

PARLIMEN  
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARIKHAMIS: 15 APRIL 2010**

CAWANGAIM PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 9,12 HINGGA 60 )**

**NOT A: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8,10 DAN 11**

**[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.04.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [ TUARAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa pembahagian KWAPM kepada pelajar miskin tahun ini akan diubah dan akan berasaskan kepada senarai E-Kasih dan adakah Menteri sedar bahawa dalam sistem ini ramai pelajar akan tercicir kerana senarai E-Kasih tidak lengkap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Mulai tahun 2009, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengutamakan pemberian Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) kepada murid yang ibu atau bapa atau penjaganya berdaftar dengan e-KASIH. Walau bagaimanapun, memandangkan data e-KASIH masih belum mantap, maka KPM memutuskan untuk turut membayar KWAPM kepada pelajar miskin yang mengemukakan permohonan melalui sekolah masing-masing. Keputusan ini adalah bagi mengelakkan pelajar yang benar-benar miskin tetapi belum tersenarai dalam data e-KASIH tercicir sebagai penerima bantuan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kekangan mendaftarkan murid dalam e-KASIH ialah:

lokasi tempat tinggal jauh di pedalaman;  
masalah mendapat maklumat dengan sah kerana masih terdapat ibu bapa  
atau penjaga buta huruf; dan  
sukar untuk disahkan pendapatan sebenar kerana tiada bukti pendapatan yang  
sah.

SOALAN NO.12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A :**

**DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS**

**[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH**

**15 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan;

- (a) langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan jumlah 1.4 juta warganegara dewasa (berumur 30 tahun ke atas) yang mengalami penyakit diabetes; dan
- (b) selain kempen kesedaran yang tidak efektif, apakah punca-punca serta penyelesaiannya sehingga 30% daripada jumlah berkenaan tidak dapat dikesan awal.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi mencegah diabetes dari akhir 1990an lagi, namun begitu bilangan pesakit diabetes terus meningkat dari setahun ke setahun. Analisa situasi semasa yang telah dijalankan pada tahun 2008 mendapati terdapat beberapa jurang utama dalam program pencegahan penyakit kronik tidak berjangkit yang sedia ada. Untuk memperkukuhkan program pencegahan penyakit kronik tidak berjangkit di Malaysia, Kementerian Kesihatan telah merangka satu "Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit" bagi tahun 2010 hingga 2014. Pelan Strategik ini adalah selaras dengan mandat dari Pertubuhan Kesihatan

Sedunia (atau WHO) untuk menangani beban penyakit kronik tidak berjangkit yang semakin meningkat dan kini adalah satu masalah global.

Selain dari mengukuhkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang sedia ada bagi mencegah penyakit kronik tidak berjangkit di Malaysia, Pelan Strategik ini juga menggariskan beberapa strategi bagi mendapatkan penglibatan aktif pelbagai Kementerian dan Iain-lain *stakeholders*, termasuklah sektor swasta, bagi mewujudkan persekitaran hidup (*living environment*) yang menyokong makan secara sihat dan hidup secara aktif di Malaysia. Pendekatan penggunaan undang-undang, peraturan-peraturan dan polisi bagi menyokong gaya hidup yang sihat juga merupakan satu strategi utama dalam Pelan Strategik Kebangsaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan terus melipat gandakan usaha untuk menjalankan saringan kesihatan bagi mengesan pesakit diabetes pada peringkat awal penyakit. Selain dari mempertingkatkan promosi kesihatan kepada masyarakat untuk menjalani saringan kesihatan secara berkala, semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan kini menjalankan saringan kesihatan kepada semua klien yang mengunjungi fasiliti tersebut. Peralatan saringan turut disediakan di ruang menunggu pesakit bagi memperkasakan saringan sendiri. Selain dari itu, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai *stakeholders* terus menjalankan kem-kem kesihatan di dalam komuniti secara tetap dan berkala. Selain dari itu juga, Kerajaan Malaysia, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003, telah menyediakan kemudahan dan menetapkan bahawa semua penjawat awam yang berumur 40 tahun dan ke atas digalakkan menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
[ KUALA NERUS ]

TARIKH 15 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengenai keberkesanan dari sudut membina kefahaman rakyat terhadap gagasan 1 Malaysia dan adakah wujud satu mekanisme bagi memastikan ia tidak disalah gunakan atau diperlekehkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep 1Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian pada Oktober 2009 dengan sampel kajian seramai 12,212 orang responden. Sebanyak 82% daripada responded didapati tahu dan sedar mengenai konsep

I Malaysia.

Manakala mengenai soalan kefahaman konsep 1 Malaysia sebanyak 10,0 responden telah memberikan respon. Didapati sebanyak 70% daripada responden tersebut memahami mengenai konsep ini.

Kerajaan juga telah menjalankan kajian menerusi SMS mulai 4 hingga II Januari 2010. Terdapat 69% (71,696 responden) sedar mengenai konsep 1 Malaysia. Walau bagaimanapun, 31% (32,063 responden) memahami konsep tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian akan terus menerajui program penjelasan termasuk program jelajah gagasan 1 Malaysia secara bersepadu kepada rakyat dengan melibatkan kepimpinan tertinggi peringkat negeri dan daerah. Di samping itu, penjelasan gagasan 1 Malaysia akan disampaikan melalui pelbagai program seperti program merakyatkan seni dan budaya, aktiviti komunikasi bersemuka dan liputan melalui media massa dan media baru.

Sebagai usaha untuk terus menilai tahap kefahaman rakyat terhadap Gagasan 1 Malaysia, Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya akan melaksanakan satu lagi siri kajian untuk mengukur tahap kefahaman Gagasan 1 Malaysia pada bulan Julai 2010.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

Soalan No: 14

SOALAN

BAGI JAWAPAN LISAN

DARI PAD A : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN]

TARIKH 15 APRIL 2010

SOALAN 14

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Kuantan) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada benarkah bahawa hanya 480 daripada lebih kurang 52,0 buah bas ekspres yang telah mematuhi piawaian keselamatan penumpang seperti yang ditetapkan kerajaan pada 2007 (Berita Harian 13 Mei 2009) dan kenapakah tiada tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007, Kementerian ini telah mewartakan beberapa peraturan antarabangsa di bawah *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE). Salah satu peraturan yang dikuatkuasakan terhadap bas ekspres adalah peraturan R66 bagi memastikan kekukuhan dan keselamatan struktur badan bas tersebut.

Tujuan peraturan dikuatkuasakan adalah bagi memastikan keselamatan penumpang terhadap bas-bas berstruktur besar khususnya yang melebihi 23

penumpang, berikutan penemuan beberapa kes khususnya bagi bas-bas yang dikeluarkan sebelum 2007 yang tidak mematuhi sepenuhnya piawaian struktur kekukuhan dan keselamatan. Setakat ini selepas pewartaan peraturan antarabangsa di bawah UNECE ini terdapat **1088** buah bas telah mematuhi piawaian.

Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, JPJ mengawal pembinaan kenderaan tersebut melalui proses kelulusan pelan teknikal kenderaan dan proses permohonan pembinaan badan bas baru. Hanya bas-bas yang mendapat kelulusan teknikal dari pihak JPJ dan disahkan oleh Puspakom akan didaftarkan. Manakala bagi bas ekpress yang didaftarkan sebelum tahun 2007, Kementerian ini akan mengawal keselamatan penumpang melalui pemeriksaan *roadworthiness* dan juga penguatkuasaan yang lebih kerap.

**SOALAN NO: 15**

**DEW AN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**

LISAN

**DARIPADA**

: DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM

[SERIAN]

**TARIKH**

: 15 APRIL 2010

**SOALAN**

**Datuk Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan hasil Makmal Bumiputera (Bumiputera Lab) anjuran PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri yang disediakan di Kuching baru- baru ini yang bertujuan untuk mencari jalan bagi mengurangkan perbezaan dalam pelbagai aspek di antara negeri Sarawak dan Semenanjung.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, makmal Pembangunan Bumiputera Sabah-

Sarawak mengandungi 5 makmal utama iaitu, Infrastruktur, Pendidikan, Pembangunan Sosial dan Isu Tanah Adat. Pada waktu sama, terdapat juga isu- isu yang berbangkit dan dibincangkan di dalam makmal Penan dan Mahkamah Adat. Cadangan-cadangan yang diutarakan di dalam makmal adalah khusus untuk membantu pencapaian dan pembangunan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Makmal ini adalah bawah kelolaan Jawatankuasa Teknikal Sabah-Sarawak Bumiputera yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Bernard Dompok dan timbalan pengerusi adalah Dato Sri Douglas Uggah Embas, PEMANDU telah memainkan peranan sebagai 'fasilitator' dan mengguna-pakai kaedah "Lab (Makmal)" dalam mencapai rumusan terbaik untuk pembangunan Bumiputera Sabah-Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil makmal adalah seperti berikut:

1. *Makmal Isu Tanah Adat*

Makmal ini membincangkan 2 isu utama iaitu:

(a) Terdapat 80% tanah adat di Sarawak yang tidak diberi hakmilik dan terbiar tanpa sebarang pembangunan. Oleh sebab itu, terdapat isu kekeliruan tentang hak milik tanah adat. Terdapat juga isu tentang petempatan haram di dalam tanah adat dan juga tanah Kerajaan Negeri. Berdasarkan masalah- masalah tersebut, makmal Bumiputera telah mencadangkan agar tanah-tanah tersebut dikenalpasti dan diberi persempadanan dan diberi hakmilik. Model- model pembangunan tanah baru juga dikenalpasti di dalam makmal bagi tujuan pembangunan supaya dapat dirasai oleh penduduk Bumiputera.

(b) Isu utama di Sabah adalah tanah yang belum dituntut hakmilik dan juga tanah adat yang tidak dibangunkan setelah diberi hakmilik. Makmal in juga telah mengkaji beberapa cadangan model yang boleh dibangunkan di atas tanah- tanah tersebut.

2. *Makmal Infrastruktur*

Isu utama yang dibincangkan dalam makmal ini adalah tentang kemudahan awam

dan sistem perhubungan pengangkutan sungai dan "coastal areas" agar dapat membantu menaikkan taraf status sosio-ekonomi bagi Bumiputera kedua-dua negeri. Kemudahan awam dan sistem pengangkutan yang dibincangkan di makmal Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) tidak meliputi kehendak-kehendak ini yang merangkumi kawasan pedalaman yang majoritinya adalah Bumiputera. Makmal ini mencadangkan agar menaik taraf jalan pembalakan yang terbiar dan membina jalan pertanian baru bagi tujuan perhubungan penduduk pedalaman.

Ini termasuk juga cadangan bagi membina dan menaik taraf jeti bagi perhubungan melalui sungai dan laut yang merupakan kaedah pengangkutan penting penting untuk kaum Bumiputera.

### 3. *Makmal Pendidikan*

Makmal ini masih tertumpu kepada agenda NKRA. Walaubagaimanapun, kaum bumiputera di kedua-dua negeri mengalami masalah polisi dan infrastruktur yang terhad yang mengakibatkan pencapaian yang tidak memuaskan. Kelas pra-sekolah tidak mencukupi dan pendekatan LINUS tidak mengambil kira situasi tempatan yang kompleks. Antara cadangan-cadangan yang diutarakan adalah menambah jumlah kelas Pra-sekolah dan kelas program integrasi juga menaikkan kualiti Sekolah Prestasi Tinggi dari Sabah dan Sarawak. Pembangunan dan pembaikan infrastruktur sekolah-sekolah, terutamanya di Sabah telah di kenal pasti untuk diperbaiki.

### 4. *Makmal Pembangunan Sosial*

Sebanyak 70% Miskin Tegar di Sabah dan Sarawak perlu ditangani, akan tetapi koordinasi antara agensi persekutuan dan negeri kurang efektif disebabkan tiada pangkalan induk. Adalah dicadangkan bahawa agensi negeri diberi kebenaran untuk mengambil tindakan dalam hal implementasi kerana ia mempunyai pengetahuan tempatan dan pelaksanaan 1 Azam melalui agensi negeri. Adalah dicadangkan juga agar Pejabat Pengurusan Pencapaian (Delivery Management Office) Sabah & Sarawak diwujudkan untuk mengurus program ini.

### 5. *Makmal Ekonomi*

Bumiputera dalam sektor pertanian mengalami masalah kurang produktiviti, penanaman berskala rendah dan kekurangan modal. Kurangnya pengetahuan dalam teknologi pertanian moden dan masalah hak milik tanah memburukkan lagi keadaan dalam sektor ini. Makmal telah mencadangkan 3 modal untuk digunakan iaitu modal agropolis dan agropolitan. Melalui model-model ini, ia dapat meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera sebanyak 20% menjelang 2015.

Penyertaan Kaum Bumiputera dalam sektor pelancongan adalah hampir sifar. Ini adalah kerana mereka hanya terlibat dalam pertunjukan tarian dan pertunjukan yang lain. Makmal telah mencadangkan syarikat kecil dan sederhana Bumiputera ditubuhkan supaya dapat mengambil bahagian dalam meningkatkan lagi penyertaan mereka dalam sektor pelancongan dengan usahasama daripada ahli jawatankuasa Kementerian Pelancongan. Antara cadangan lain dari makmal adalah pembinaan pusat Konvesyen Antarabangsa Sabah dan pusat-pusat kraftangan dan Pusat Perkhidmatan Pelancong.

6. *Makmal Mahkamah Adat*

Makmal Mahkamah Adat mencadangkan agar diberi kuasa autonomi di mana ia boleh menjalankan tugas tanpa campur tangan dari pihak lain. Antara cadangan bagi mengubah situasi tersebut, adalah dengan menaik taraf Mahkamah Adat setaraf dengan Mahkamah Syariah. Keperluan asas infrastruktur yang lebih baik juga perlu di ambil kira dengan pembinaan bangunan dan latihan yang sewajarnya terhadap tenaga kerja Mahkamah Adat. Juga, beberapa pindaan undang-undang bagi mewujudkan ciri autonomi terhadap Mahkamah Adat.

7. *Makmal Penan*

Sejumlah besar dari 16,000 kaum Penan berada di bawah paras kemiskinan dan antara cadangan yang bincangkan adalah tentang mewujudkan Agensi PENENTU yang membantu dan memantau integrasi projek pembangunan Kaum Penan. Antara projek yang dicadangkan adalah rancangan ekonomi yang teratur termasuk pembangunan infrastruktur, tanah dan modal insan. Mewujudkan kawasan bagi Kaum Penan untuk menjalankan aktiviti pertanian dan cara hidup

yang lebih teratur juga telah dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN(16)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	15 APRIL 2010 ( KHAMIS )
DARIPADA	Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

**SOALAN**

**Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan butir-butir perbelanjaan Kerajaan Pusat untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan memberikan anggaran-anggaran terperinci kos perbelanjaan pusat dari tahun 2000 sehingga 2010 di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Persekutuan masih dalam proses untuk memuktamadkan jumlah perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan apabila penswastan penuh dilaksanakan kelak. Perkiraan kos menjuruskan kepada penetapan kadar tarif yang akan dibayar kepada syarikat konsesi. Perkiraan kadar tarif dibuat berasaskan beberapa parameter seperti bilangan lori yang diperlukan berdasarkan jumlah sisa pepejal, bilangan tong sampah bersandarkan kepada jumlah premis, jumlah kakitangan dan tahap kualiti perkhidmatan yang perlu diberikan.

Sungguhpun penswastan penuh belum lagi dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi

bantuan kewangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang kurang berkemampuan untuk melaksanakan penswastaan pengurusan sisa pepejal secara interim. Dari tahun 2000 hingga 2008, bantuan kewangan sebanyak RM109,302,534 telah diberi kepada PBT-PBT yang layak bagi meringankan beban kewangan yang mereka hadapi untuk membayar perkhidmatan syarikat konsesi.

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2010



**SOALAN NO : 7**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA                        Y.B. TUAN CHUA TEE YONG [ LABIS ]  
TARIKH                             15 APRIL 2010 ( RABU )

**SOALAN**

Y. B. Tuan Chua Tee Yong [ Labis ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kajian untuk membeli balik saham PLUS untuk mengelak kadar kompensasi yang tinggi setiap tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada masa ini tiada menjalankan apa-apa kajian berhubung pembelian balik saham PLUS. Selain daripada itu, Kerajaan juga tiada sebarang perancangan untuk mengambil alih saham PLUS.

**SOALAN NO : 8**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**      **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA T**      **TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ] 15 APRIL 2010 (KHAMIS)**  
**ARIKH**

**SOALAN**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pembinaan bandar-bandar baru seperti Putrajaya dan Cyberjaya dibuat dengan rancangan untuk sistem pengangkutan alternatif seperti LRT ataupun *underground rail services* untuk menangani masalah kesesakan jalan raya pada masa hadapan dan sekiranya tidak, kenapa dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah trafik di situ pada masa hadapan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan satu pelan pembangunan yang komprehensif dan teliti dalam perancangan pembinaan bandar-bandar baru seperti Putrajaya dan Cyberjaya. Model pembangunan bandar pintar telah diterapkan dalam pelbagai aspek dan sudut sejak di peringkat perancangan lagi. Hasilnya kita dapat lihat pada hari ini, Putrajaya dan Cyberjaya telah menjadi bandar moden yang sistematik dan sering menjadi contoh bagi pembinaan bandar-bandar baru yang lain.

Bagi menangani masalah kesesakan jalanraya di Putrajaya dan Cyberjaya pada masa hadapan, beberapa kajian yang komprehensif mengenai sistem pengangkutan awam di kedua-dua bandar tersebut telah dilaksanakan antaranya Kajian Pelaksanaan Sistem Pengangkutan Bersepadu di Putrajaya dan Cyberjaya tahun 2002 oleh Perunding AGN Research Associates Sdn Bhd, Kajian Model Pembiayaan Bagi Pengoperasian Laluan 1 Jaringan Sistem Monorel di Putrajaya tahun 2008 oleh Perunding Malaysia Institute of Transport (MITRANS) dan juga Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Bagi Bandar-Bandar Utama di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu Pelan Induk Pengangkutan Putrajaya (PIPP) telah disediakan pada akhir tahun 1996 dan dikaji semula pada 1997. PIPP berkenaan telah menggariskan beberapa strategi untuk sistem pengangkutan Putrajaya dan salah satu daripada strategi tersebut adalah sistem pengangkutan awam berasaskan rel yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam di Putrajaya serta disokong oleh perkhidmatan bas dan kemudahan infrastruktur lain untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti kemudahan *park & ride*.

Selain itu, Kerajaan juga sedang menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi menyepadukan perancangan, pengawalseliaan dan penguatkuasaan pengangkutan awam darat. Penubuhan SPAD ini nanti akan dapat memantapkan lagi usaha Kerajaan untuk menyediakan pengangkutan awam yang selamat, andal dan cekap. Kesemua langkah-langkah ini dilihat akan dapat menggalakkan lagi usaha Kerajaan ke arah penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang bersifat mesra rakyat.

Soalan No : 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISA N</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.04.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [ LUBOK ANTU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Sekolah Menengah Engkili dan Lubok Antu mempunyai sebarang peruntukan untuk membaik pulih keadaan dua sekolah tersebut yang usang, sesak dan kekurangan kelengkapan pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembangunan bagi SMK Lubok Antu tidak tersenarai dalam RMKe-9. Walau bagaimanapun, bagi SMK Engkilili telah diperuntukkan sebanyak RM1.98 juta bagi pembinaan gantian 6 bilik darjah dan dijangka siap pada tahun 2010.

**SJ,B/(USAN)/()**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
(KUALA SELANGOR)

**PERTANYAAN** LISAN

**TARIKH** : 15.04.2010 6CAUW tiO 2.0

Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan baik yang telah dapat disaksikan sejak poisi liberalisasi dimulakan khususnya dalam sektor- sektor perkhidmatan termasuk juga sektor kewangan dan perbankan.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah liberalisasi bersama dua pakej rangsangan disokong oleh keadaan ekonomi global dan negara yang bertambah baik telah berjaya memulihkan ekonomi negara. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara telah kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 4.5% pada suku keempat 2009 selepas mengalami penguncupan tiga suku berturut- turut sebelum ini. Di samping itu, sentimen pemiagaan dan pengguna semakin bertambah baik. Langkah memansuhkan Garis Panduan FIC



telah juga memberi keyakinan kepada para pelabur, terutamanya dalam pasaran ekuiti. Ini jelas dilihat daripada peningkatan ketara Indeks FBM KLC1 kepada 1,334.52 mata pada 13 April 2010 berbanding 968.58 mata pada 22 April 2009 apabila liberalisasi sektor perkhidmatan diumumkan.

2. Langkah liberalisasi ini juga telah memberi manfaat kepada sektor pelancongan, khususnya program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H). Pada tahun 2009, bilangan ketibaan pelancong mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2% kepada 23.6 juta pelancong, manakala jumlah peserta MM2H telah meningkat 13.4% kepada 13,316 peserta. Di samping itu, subsektor perdagangan borong dan runcit juga mencatatkan peningkatan, di mana sejumlah 81 pasar raya besar dan *superstore* milik asing telah beroperasi di seluruh negara pada akhir September 2009 berbanding 71 buah tahun sebelumnya.

3. Bagi subsektor kewangan, liberalisasi dalam subsektor ini telah berjaya menarik lebih penyertaan asing ke dalam negara. Ini termasuk bank Islam, syarikat broker saham, syarikat pengurusan dana dan syarikat pengurusan dana Islam yang telah beroperasi di dalam negara. Langkah liberalisasi sektor kewangan yang diumumkan pada April 2009 telah juga menerima sambutan baik daripada institusi-institusi kewangan terkemuka. Baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan lesen bank komersial kepada *Industrial and Commercial Bank of China Limited* yang merupakan bank terbesar di negara China.





4. Secara umumnya, langkah liberalisasi telah memberikan impak positif kepada ekonomi negara. Negara akan memperoleh manfaat yang lebih besar daripada usaha liberalisasi sektor perkhidmatan ini dengan lebih ketara dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini kerana para pelabur memerlukan perancangan yang teliti untuk membuat keputusan pelaburan dalam suasana ekonomi dunia yang masih mencabar dan seterusnya mengekang keupayaan mereka untuk meluaskan pasaran. Pada masa yang sama, usaha juga sedang dijalankan untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan industri domestik untuk menghadapi persaingan di peringkat global.

p./

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PADA**

**DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN 15**

**TARIKH**

**APRIL 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**NO.21**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana program-program inovasi telah dilaksanakan oleh IPT Awam berbanding IPT Swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inovasi telah dimartabatkan sebagai agenda nasional yang perlu merentasi segala aspek kehidupan masyarakat. Di peringkat kebangsaan, beberapa perancangan telah dibuat termasuk pembentukan Majlis Inovasi Negara yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Manakala di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, Jawatankuasa Kecil Modal Insan Inovasi Negara (JKMIIN) telah ditubuhkan sebagai susulan kepada keputusan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Inovasi Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Sebagai pelaksanaan agenda inovasi negara, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah menyediakan *Blue Print* mengenai *Innovative Human Capital* dan laporan ini telah dibentangkan kepada Majlis Inovasi Negara yang dipengerusikan

oleh YAB Perdana Menteri. Seterusnya, Majlis Inovasi Negara telah menerima perakuan yang dikemukakan dalam mana tindakan susulan perlu diambil oleh semua kementerian terlibat, di mana berkaitan.

Bagi Kementerian Pengajian Tinggi, banyak inisiatif telah diambil. Ini termasuk membuat penilaian semula ke atas kurikulum kursus yang menunjukkan bahawa elemen kreativiti dan inovasi telah pun diambil kira dalam kurikulum kursus. Namun sebagai langkah tambahan, semua IPTA dikehendaki membuat pengubahsuaian dan penjajaran (*realignment*) kurikulum untuk memenuhi kriteria *learning outcomes* yang merangkumi kreativiti dan inovasi seperti ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Sebagai langkah pelengkap, KPT telah juga membangunkan instrumen untuk mengukur *Generic Student Attributes* yang menekankan, antara lain, aspek kreativiti dan inovasi di bawah domain keusahawanan. KPT juga telah menerbitkan buku panduan pembangunan pelajar untuk pembangunan sahsiah melalui aktiviti kokurikulum IPT yang memberi juga penekanan kepada aspek kreativiti dan inovasi.

Dalam masa yang sama, sebagai usaha memantapkan Institusi Pengajian Tinggi, KPT telah membuat penilaian ke atas 142 Pusat Kecemerlangan di IPTA. Enam dari jumlah tersebut, telah dipilih dan diberi status Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi atau *Higher Institutions' Centres of Excellence* (HICoE) oleh Kerajaan untuk menggiatkan penyelidikan, pengkomersilan dan inovasi. Penarafan HICoE ini dapat membantu IPTA terutamanya yang ditarafkan sebagai Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi.

KPT seterusnya menggalakkan kerjasama beberapa IPTA untuk meningkatkan tahap pengkomersilan dan inovasi dengan kerjasama beberapa institusi antarabangsa (seperti SRI@Stanford Research Institute dan Stevens Institute of

Technology). Bagi memastikan budaya kreativiti, inovasi dan pengkomersilan di kalangan IPTA, maka melalui AKePT (Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi) kursus berimpak tinggi telah dan sedang dijalankan dengan kerjasama institusi-institusi antarabangsa berkaitan dari Amerika Syarikat dan Australia. KPT sedang juga mengkaji kemungkinan membangunkan modul mengenai inovasi supaya dapat dijadikan, jika sesuai, subjek universiti dengan jam kredit tertentu, dan oleh itu, perlu diambil oleh semua pelajar pengajian tinggi tanpa mengira kursus pengajian. Pengalaman di Amerika Syarikat yang merupakan negara yang paling inovatif di dunia berdasarkan *Innovation Index* yang dipakai di peringkat antarabangsa, menunjukkan bahawa subjek inovasi boleh diajar secara berkesan di peringkat universiti.

Selanjutnya sebagai menyokong pembudayaan kreativiti dan inovasi, KPT telah juga menggubal Dasar Keusahawanan Pengajian Tinggi. Matlamat utama penggubalan dan pelaksanaan dasar ini adalah untuk menggalakkan dan menggiatkan pembudayaan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar pengajian tinggi. Antaranya, ciri-ciri ini meliputi *risk-taking, resilience, perseverance, resourceful, and creativity and innovation*. Dalam konteks dasar negara berkaitan dengan Inovasi dan Model Baru Ekonomi, pelaksanaan dasar ini khususnya, dan pelaksanaan PSPTN amnya, akan dapat menyumbang ke arah peningkatan pendapatan graduan. Memandangkan *entrepreneurship*

merupakan aktiviti *wealth creation*, maka pelaksanaan dasar seperti ini akan juga dapat menangani isu berkaitan dengan *employability* di kalangan graduan.

Selain daripada itu, pada 1 April 2010 KPT secara rasminya telah membentuk Majlis Profesor Negara (MPN) yang telah dirasmikan pelancarannya oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Majlis ini akan menyediakan suatu platform untuk pihak Kerajaan memanfaatkan modal intelektual negara yang terdapat di kalangan 1426 profesor di IPTA pada masa ini. Melalui majlis ini, mereka akan dapat memberi pandangan, ulasan dan juga cadangan berkaitan isu-isu dan cabaran-cabaran strategik yang dihadapi negara sekarang atau pada masa hadapan. KPT yakin bahawa MPN akan dapat menyumbang ke arah penggiatan aspek kreativiti dan inovasi di kalangan akademia dan pelajar-pelajar pengajian tinggi.

Adalah jelas bahawa usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh KPT berkaitan peningkatan dan penggiatan kreativiti dan inovasi di sektor pengajian tinggi akan memberi manfaat kepada bukan sahaja IPTA tetapi juga IPTS. Dalam analisa akhir, usaha-usaha mumi yang dijalankan mampu untuk menghasilkan modal insan dan modal intelek negara yang berkualiti, serta mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan  
Daripada

PERTANYAAN LISAN  
Datuk Rashid bin Din [ Merbok ]

Tarikh Menjawab

15 April 2010 (Khamis)

Soalan

[ No. 22 ]

Datuk Rashid bin Din [ Merbok ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan tidakkah Malaysia mempunyai akta undang-undang yang membolehkan Kementerian mengguna pakai untuk mengambil tindakan ke atas syarikat Malaysia yang menjalankan aktiviti haram seperti pembalakan haram dan pembakaran hutan (operasi *slash & burn*) di Papua New Guinea dan Indonesia yang sering dilaporkan di media antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tiada peruntukan perundangan yang boleh digunapakai bagi mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat Malaysia yang menjalankan aktiviti pembalakan haram dan pembakaran hutan di negara-negara lain seperti Papua New Guinea dan Indonesia. Sebaliknya, setiap syarikat Malaysia yang melabur dan menjalankan aktiviti perniagaan di negara lain adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negara tersebut.

Kerajaan Malaysia sentiasa mengingatkan syarikat Malaysia yang melabur di negara lain untuk menghormati dan mematuhi undang-undang tempatan serta mengamalkan amalan terbaik seperti *zero burning* sebagaimana yang dilaksanakan di Malaysia.

Bagi syarikat-syarikat perladangan sawit yang melabur di Indonesia, mereka diingatkan supaya mematuhi undang-undang negara berkenaan serta mencontohi peraturan-peraturan sedia ada di Malaysia seperti mengamalkan pembakaran sifar di dalam pembukaan kawasan perladangan sawit baru. Syarikat-syarikat Malaysia juga digalakkan untuk memberi bantuan kepada masyarakat setempat di Indonesia dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka.

Di samping itu, Malaysia dan Indonesia turut berkerjasama untuk memperkukuhkan bidang komoditi di dalam Mesyuarat Kerjasama Dua hala Malaysia - Indonesia dalam Bidang Komoditi. Di bawah rangka kerja ini, Mesyuarat Kumpulan Kerja Minyak Sawit bertanggungjawab untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan industri sawit termasuk isu jerebu rentas sempadan. Di dalam Mesyuarat Kumpulan Kerja Minyak Sawit Ke-Sembilan yang telah diadakan di Bandung, Indonesia dari 20 hingga 21 Oktober 2009, Indonesia telah memaklumkan bahawa bagi tempoh Januari hingga September 2009, kebakaran telah berlaku di kawasan seluas 6,470 hektar meliputi Provinsi-provinsi Jambi, Kalimantan Barat, Aceh, Kalimantan Tengah dan Riau. Dalam kesemua insiden ini, tiada syarikat perladangan Malaysia yang terlibat.





AW : 23

**SJ.B/(127)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN MATULIDI BIN JUSOH  
(DUNGUN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.04.2010 SCAUW NC ■ 23**

Tuan Matulldi bin Jusoh ( Dungun ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman perniagaan atau pembiayaan peribadi yang telah dikeluarkan oleh bank-bank tempatan bagi tempoh 2009 dan jumlah bayaran balik serta kesannya kepada ekonomi negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman kepada individu meningkat daripada RM392.9 bilion pada tahun 2008 kepada RM432.2 bilion pada tahun 2009. Peningkatan jumlah pinjaman ini selaras dengan keadaan ekonomi Malaysia yang semakin baik serta peningkatan semula kuasa membeli pengguna.

**2. Peningkatan jumlah pinjaman juga telah member! impak yang positif ke atas ekonomi sebagai pemangkin kepada lebih banyak aktiviti ekonomi. Selain itu, peningkatan kepada jumlah pinjaman individu bertambah kukuh dengan nisbah pembayaran balik pinjaman yang menggalakkan. Nisbah kepada pinjaman tidak berbayar bagi individu juga telah menurun dari 4.1% pada tahun 2008 kepada 3.1% pada tahun 2009.**

**3. Selain itu, keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh isi rumah juga berada pada tahap yang kukuh. Pada akhir tahun 2009, nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang isi rumah ialah 2.46. Penampan kewangan yang teguh dijangka dapat terus melindungi isi rumah dalam menyerap sebarang impak ke atas tahap pendapatan masa hadapan.**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LIS  
AN Y.B. DATUK ERIC  
ENCHIN MAJIMBUN**

**(SEPANGGAR)**

**TARIKH**

**15 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan jumlah bilangan setiap kaum Orang Asli di Semenanjung, peribumi di Sabah dan Sarawak. Apakah persamaan serta perbezaan dari segi pembangunan serta peningkatan taraf kehidupan di antara negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Yang di Pertua,**

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) terdapat seramai 141,230 Orang Asli di Semenanjung yang terbahagi kepada 3 suku kaum utama iaitu Senoi (79,156), Proto Malay (58,403) dan Negrito (3,671). Di bawah 3 suku kaum utama tersebut terdapat 18 suku kaum lagi seperti Temiar, Semai, Orang Kanaq, Temuan, Jah Hut dan sebagainya.

Pelbagai pembangunan telah dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli seperti Program Pembangunan Sosioekonomi, Program Pembangunan Tanah, program pendidikan serta program kesihatan. Di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi umpamanya, Kerajaan telah menyediakan bantuan rumah dengan dilengkapi bekalan elektrik, bekalan air bersih serta projek jalan. Manakala di bawah Program Pembangunan Tanah, JHEOA telah membangunkan ladang-ladang yang telah memberikan manfaat kepada seramai 10,193 Orang Asli. Di bawah

program pendidikan yang dilaksanakan, seramai 324 Orang Asli kini sedang melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi, manakala di bawah program kesihatan Kerajaan telah menyediakan Hospital JHEOA, pusat-pusat Transit, balai rawatan dan pemeriksaan secara berkala ke kampung- kampung Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, hal ehwal berkaitan Orang Asal (Pribumi) di Sabah dan Sarawak adalah dibawah bidang kuasa pentadbiran kerajaan negeri berkenaan. Memandangkan semua isu mengenai tanah adat dan isu'isu berkaitan Orang Asal (Pribumi) di Sabah dan Sarawak ini ditangani secara khusus oleh pihak kerajaan negeri, maka adalah agak sukar untuk membuat perbandingan yang objektif terhadap pembangunan taraf kehidupan Orang Asli di Semenanjung dan Orang Asal (Pribumi) di Sabah dan Sarawak.

FROM :PEJABAT SUBKCKP!) KKLW

FAX NO. :0388892136

Apr. 15 2010 12:05PM P 4



**SOALAN NO : 25**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA                      DATO' MOHD JIDIN   BIN SHAFEE  
   [ SETIU ]  
TARIKH                              15 APRIL 2010  
SOALAN

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah klinik 1 Malaysia yang diwujudkan diseluruh Negara setakat ini dan status dari segi sambutan rakyat serta sejauh manakah publisiti mengenainya dilaksanakan dalam konteks keperluan setempat

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya terdapat 50 buah klinik 1 Malaysia yang telah pun mula beroperasi bermula 7 Januari 2010. Kesemua klinik ini telah diumumkan semasa pembentangan belanjawan 2010 oleh YAB Perdana Menteri dan telah beroperasi sepenuhnya. Klinik 1 Malaysia telah mendapat sambutan yang baik dikalangan masyarakat bandar kerana kemampuan klinik berkenaan menyediakan perkhidmatan rawatan yang ringan dan mudah diperolehi. Ianya juga disifatkan sebagai langkah wajar kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada semua golongan masyarakat di mana sehingga 27 Mac 2010, sejumlah 241, 214 orang telah mendapatkan rawatan ringan di klinik 1 Malaysia. Daripada 241, 214 kes yang dirawat, majoriti adalah kes ringan seperti batuk selsema (56%), badan tidak sihat (11 %), sakit perut (8%), sakit kulit

1

(7%) dan sakit otot (5%). Hanya 508 kes atau 0.3% sahaja merupakan kes kecemasan.



Dari segi kewarganegaraan pula, majoriti pesakit (melebihi 99%) yang mendapatkan rawatan di Klinik 1 Malaysia adalah dikalangan warganegara Malaysia dan hanya 0.7% sahaja terdiri dari kalangan warga asing. Ini menunjukkan perkhidmatan kesihatan di klinik 1 Malaysia disasarkan khusus kepada warganegara Malaysia.

Sambutan yang menggalakkan bagi klinik 1 Malaysia ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- (a) Lokasi klinik yang terletak dekat dengan tempat tinggal memudahkan pesakit di kawasan sekitar mendapatkan rawatan serta menjimatkan kos pengangkutan
- (b) Waktu operasi klinik yang lebih mesra pelanggan iaitu dari jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam amat sesuai untuk mereka yang bekerja pada waktu siang hari
- (c) Bayaran minimum sebanyak RM1.00 bagi warganegara dan RM 15.00 bagi bukan warganegara adalah amat berpatutan terutama bagi pelanggan yang kurang berkemampuan

Pelaksanaan klinik 1 Malaysia di dalam tempoh yang singkat menunjukkan kesungguhan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk merealisasikan gagasan 1 Malaysia Y.A.B. Perdana Menteri **'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'**.



**SJ.B/(130)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
(PADANGTERAP)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.04.2010 So/VUU No: 24**

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria ( Padang Terap ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pengumuman YAB Perdana Menteri bahawa Malaysia akan membina sebuah hub untuk institusi perbankan Islam. Sejauh mana tindakan pihak Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia komited untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa menerusi inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Center, MIFC) yang dilancarkan pada tahun 2006. MIFC telah diiktiraf oleh komuniti kewangan antarabangsa dan Malaysia akan terns menerajui industri perbankan dan kewangan islam di peringkat global.

2. Malaysia mempunyai sistem kewangan yang komprehensif berbanding dengan pusat kewangan antarabangsa yang lain, meliputi sektor perbankan, takaful, pasaran wang dan pasaran modal. Malaysia mempunyai pasaran sukuk yang terbesar di dunia. Mengikut

perangkaan setakat Disember 2009, 63% atau USD75.6 bilion jumlah sukuk yang belum dilunaskan (*outstanding sukuk*) di peringkat global adalah sukuk-sukuk yang diterbitkan di Malaysia. Bursa Malaysia kini merupakan pusat penyenaian sukuk terbesar di dunia dengan nilai senarai berjumlah USD\$18.8 bilion (Januari 2010). Ianya mendahului bursa-bursa global dunia seperti Nasdaq Dubai, London Stock Exchange dan Tadawui Saudi Arabia.

3. Pelbagai usaha secara bersepadu diteruskan oleh agensi Kerajaan termasuklah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, agensi swasta dan peserta industri kewangan dan takaful serta pasaran modal bagi mengekalkan prestasi cemerlang Malaysia dalam kewangan Islam, menggalakkan lagi industri ini dan mempertahankan kewibawaan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang terbaik di dunia. Dalam hubungan ini, MIFC memberi fokus kepada lima aspek berikut:

- (i) sebagai pusat originasi, pengedaran dan perdagangan sukuk;
- (ii) sebagai pusat pengurusan dana Islam;
- (iii) sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam mata wang antarabangsa;
- (iv) sebagai pusat pemiagaan takaful dan takaful semula; dan
- (v) sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam kewangan Islam.

4. Selain itu, Malaysia bercadang untuk menubuhkan 'ikon' untuk

pusat bagi institusi kewangan Islam menjalankan aktiviti kewangan Islam. Kerajaan bersama dengan badan pengawalseliaan sektor kewangan sedang dalam usaha mengkaji cadangan tersebut untuk meningkatkan lagi pencapaian sistem kewangan Islam negara.

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA YB DATO' LILAH BIN YASIN**  
**TARIKH 15 APRIL 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan-

- (a) Apakah tafsiran menghina mahkamah; dan
- (b) Berapakah tindakan yang telah diambil atas kesalahan menghina mahkamah.

**JAWAPAN :** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Sebagai tafsiran am, 'menghina mahkamah' (*contempt of court*) ialah apa-apa gangguan terhadap perjalanan pentadbiran keadilan. Secara khususnya pula, perkataan 'menghina mahkamah' tidak ditafsirkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Akta Parlimen ataupun undang-undang bertulis yang lain. Justeru, prinsip undang-undang lazim (*common law*) terpakai dan telah pun diterima pakai oleh mahkamah di Malaysia.

Terdapat peruntukan mengenai menghina mahkamah tetapi peruntukan tersebut tidak memberikan apa-apa tafsiran mengenainya. Dalam kes *Chandra Sri Ram V Murray Hiebert* [1997] 3 MLJ 240, Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa-

*"Contempt of court has not been defined in our Federal Constitution, Acts of Parliament or any other written law, but over the years of evolution and development in our legal system, our courts and also other courts exercising common law jurisdiction had the opportunity to establish and define the ambit of the law relating to contempt of court, hence, to provide judicial illumination and interpretation."*

Oleh sebab undang-undang di negara kita tidak memberikan tafsiran mengenainya, maka perkataan 'menghina mahkamah' perlu ditafsirkan mengikut makna kamus, buku rujukan dan juga berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah sebagai autoriti yang meyakinkan.

Dalam "*Black's Law Dictionary Seventh Edition*", perkataan 'contempt'

ditafsirkan sebagai *\*The conduct that defies the authority or dignity of a court or legislature*". Oleh itu, adalah jelas bahawa perkataan 'menghina mahkamah' membawa maksud perlakuan yang menentang kuasa dan martabat sesuatu mahkamah.

*Oswald's Contempt of Court (3rd Ed)* memberi tafsiran 'menghina mahkamah' sebagai-

*"To speak generally, contempt of court may be said to be constituted by any conduct that tends to bring the authority and administration of the law into disrespect or disregard. or to interfere with or prejudice parties, litigants or their witnesses during litigation."*

Dalam kes *Attorney General Malaysia v Manjeet Singh Dhillon* [1991] 1 MLJ 167, Mahkamah Agong dalam keputusan majoriti memutuskan bahawa *"The English common law principle of contempt of court is applicable in Malaysia by virtue of section 3 of the Civil Law Act 1956. Therefore any act done or writing published calculated to bring a court or a judge of the court into contempt or to lower his authority is a contempt of the court."*

Dalam kes *Monatech (M) Sdn Bhd v Jasa Keramat Sdn Bhd* [2002] 4 MLJ 241, Mahkamah Persekutuan dalam memberi tafsiran 'menghina mahkamah' telah memetik kes *Attorney-General v Hislop & /toor* [1991] 1 All ER 911 (CA) yang memberi tafsiran seperti yang berikut:

*"Contempt of Court is interference with the due administration of justice."*

Dalam kes *Zainur bin Zakaria v Public Prosecutor* [2001] 3 MLJ 604, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa-

*“Contempt of court is an ancient concept developed over the centuries in England as a means whereby the courts may act to prevent or punish conduct which tends to obstruct prejudice or abuse the administration of justice either in relation to a particular case or generally.”*

Oleh yang demikian, berdasarkan makna kamus, buku rujukan dan juga kes-kes yang telah diputuskan dapat disimpulkan bahawa perkataan ‘menghina mahkamah’ membawa maksud apa-apa perlakuan yang -

- (i) merendahkan atau menentang kuasa dan martabat sesuatu mahkamah atau seseorang hakim;
- (ii) berkecenderungan untuk tidak mengendahkan atau tidak menghormati sesuatu kuasa dan pentadbiran sesuatu undang-undang;
- (iii) mengganggu atau mempunyai prasangka terhadap pihak ataupun saksi kepada sesuatu litigasi; atau
- (iv) berkecenderungan untuk mengganggu, mempunyai prasangka ataupun menyalahgunakan kuasa dalam sesuatu pentadbiran keadilan.

Berdasarkan penjelasan di atas, hal keadaan sesuatu kes



'menghina mahkamah' adalah luas dan boleh wujud daripada pelbagai perlakuan dan tindakan. Ia boleh berbentuk tohmahan atau fitnah sama ada secara lisan ataupun bertulis; penerbitan apa-apa berita, laporan ataupun artikel, mengganggu pihak-pihak, saksi-saksi, ekshibit ataupun subjek berkaitan suatu prosiding, mengingkari suatu perintah atau arahan mahkamah dan juga boleh meliputi apa-apa perbuatan atau penerbitan yang bertujuan atau berkecenderungan untuk menjejaskan atau merendahkan autoriti, kewibawaan, integriti dan kemuliaan mahkamah secara am atau hakimnya secara peribadi, menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan dalam proses keadilan atau memandang hina kepada mahkamah atau hakimnya.

Penghinaan mahkamah juga boleh berlaku dengan perbuatan yang boleh dianggap prejudis terhadap prosiding mahkamah jenayah ataupun sivil mengikut doktrin *sub judice* ataupun memberi tekanan, ugutan ataupun melakukan apa jua perbuatan untuk mempengaruhi perbicaraan adil atau keputusan Mahkamah. Perbuatan 'menghina mahkamah' ini boleh berlaku sama ada di dalam ataupun di luar mahkamah.

- (b) Dari tahun 2000 sehingga Mac 2010, jumlah kes penghinaan mahkamah yang telah pun diambil tindakan ialah 62 kes di Mahkamah Tinggi dan hanya 1 kes di Mahkamah Rendah (Mahkamah Majistret).

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA : LISAN  
Y.B. WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]  
TARIKH 15 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah polisi yang digunakan bagi pekerja asing mahir, separa mahir dan kurang mahir dan bagaimana mereka dapat mencapai objektif pendapatan ekonomi tinggi tanpa menarik pekerja-pekerja yang mahir dan berpengetahuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,  
Pada masa kini terdapat dua pengkelasan utama bagi pekerja asing di Malaysia iaitu pekerja asing berkemahiran atau juga dikenali sebagai pegawai dagang (*expatriate*) dan pekerja asing berkemahiran rendah. Dasar penggajian kedua-dua kategori ini adalah berbeza. Dasar penggajian pekerja asing berkemahiran rendah yang diamalkan di Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya tiada pekerja tempatan yang berkebolehan atau berminat, majikan dibenarkan mengambil pekerja asing berdasarkan keperluan dan kuota yang ditetapkan sahaja;
- ii. Dibenarkan bagi beberapa sektor ekonomi terpilih sahaja iaitu sektor perkhidmatan, pembuatan, perladangan, pertanian, pembinaan dan pembantu rumah. Selain itu, penggajian pekerja asing ini dihadkan kepada beberapa negara sumber terpilih sahaja;
- iii. Kadar levi yang dikenakan bagi penggajian pekerja asing adalah berbeza mengikut sektor-sektor ekonomi tertentu, di antara RM360 hingga RM 1,800;

- iv. Tempoh bekerja yang dibenarkan bagi sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan, adalah lima tahun sahaja (maksimum); dan
- v. Tidak dibenar mengisi kerja-kerja barisan hadapan (*frontliners*).

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi kategori pegawai dagang (*expatriate*), dasar yang lebih liberal diamalkan bagi menarik pelaburan antarabangsa dan meningkatkan ekonomi pada rangkaian nilai yang lebih tinggi. Penggajian pegawai dagang adalah dibenarkan dalam semua sektor ekonomi dan tidak dihadkan mengikut negara sumber tertentu.

Tempoh penggajian pegawai dagang adalah lebih lama, iaitu sehingga 10 tahun bagi jawatan eksekutif. Di samping itu, tiada sebarang pembayaran levi dikenakan terhadap penggajian pegawai dagang kecuali permohonan pegawai dagang yang dibuat melalui Pas Lawatan Kerja Sementara.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menetapkan sasaran bagi Malaysia mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ini boleh dicapai tanpa perlu bergantung kepada pekerja asing dengan cara:

- a. meningkatkan kemahiran (*skills upgrading*) dan mempelbagaikan kemahiran (*multi skilling*) tenaga kerja tempatan;
- b. memperkukuh pelaksanaan program *Brain Gain* melalui jaringan kerjasama terutamanya dalam bidang R&D di antara pakar tempatan yang menetap di luar negara dengan institusi pendidikan tinggi tempatan;
- c. mempergiat penggunaan *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan bagi menjimatkan penggunaan buruh;
- d. mempergiat mekanisasi dan automasi dalam sektor perladangan dan perkilangan supaya penggunaan tenaga buruh dijamin;

- e. mengadakan struktur upah dan faedah-faedah sampingan yang boleh menarik pekerja tempatan, misalnya melalui penetapan upah minima dalam kerja-kerja tertentu;
- f. meningkatkan penyertaan wanita ke dalam pasaran buruh khususnya di kalangan wanita yang berpendidikan tertiar melalui penyediaan lebih banyak pusat asuhan kanak-kanak dan Taska; dan
- g. meningkatkan kadar penyertaan *latent workforce* yang berpotensi seperti wanita, orang kurang upaya (OKU) dan pesara dengan mengadakan insentif untuk latihan semula.

NO AUM : 38

NOAUP *i^d*)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]
TARIKH	15 APRIL 2010
RUJUKAN	2487

SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah benar Malaysia menjadi negara transit untuk kes-kes memperdagangkan orang serta senaraikan rakyat dari negara mana yang menjadikan Malaysia sebagai pengkalan untuk ke negara ketiga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Menurut PDRM, Malaysia dikategorikan sebagai negara transit bagi kes - kes pemerdagangan orang. Kegiatan ini melibatkan warga asing dari negara - negara seperti Sri Lanka, Iraq, Iran dan Afghanistan yang telah menjadikan Malaysia sebagai transit untuk ke negara - negara ketiga.

Sehubungan denganitu, PDRM mengenal pasti kegiatan ini menggunakan laluan laut dantelah mempertingkatkan jaringan maklumat dan memperketatkan rondaan di kawasan perairan negara bagi menghalang aktiviti penyeludupan manusia. Aktiviti-aktiviti rondaan seperti ini juga turut dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang

merupakan salah satu daripada agensi penguatkuasaan yang menganggotai Majlis Antipemerdagangan Orang. Malaysia turut mengadakan kerjasama dengan beberapa negara lain dari aspek pertukaran maklumat dan risikan termasuk latihan bina upaya bagi menangani perkara ini secara lebih terancang dan efektif.

Tindakan-tindakan bersepadu serta kerjasama oleh agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat serantau dan antarabangsa memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat antarabangsa bahawa Kerajaan Malaysia sememangnya memandang serius dan sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap sebarang aktiviti pemerdagangan orang.

**NO. SOALAN:**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,  
PENGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN (BUKIT GANTANG )  
15 APRIL 2010

TARIKH  
SOALAN

Dato Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin ( Bukit Gantang) Minta  
PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan  
oleh Kementerian bagi membangunkan infrastruktur sekolah-sekolah  
KAFA dan agihan pecahan mengikut negeri dan seluruh kawasan Parlimen  
di Perak.



JAWAPAN : ( Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur sekolah KAFA adalah diurus dan dikawal selia oleh Jabatan Agama Islam Negeri melalui Jawatan Kuasa, Pelaksana KAFA Negeri di setiap negeri. Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan pembangunan prasarana KAFA melalui Jawatankuasa tersebut. Kerajaan melalui JAKIM menyalurkan peruntukan khusus untuk bayaran elaun kepada semua guru-guru KAFA mulai 1990. Pada masa sekarang terdapat seramai 33,664 guru KAFA di seluruh Negara yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 201,668,410.00.

Selain guru KAFA, Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak 383 jawatan bagi penyelia KAFA mulai April 2009. Penyelia KAFA ini adalah berdasarkan Skim S 17 dan melibatkan peruntukan sebanyak RM 2.44 juta. Pada masa ini proses pelantikan sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat

Disamping itu, Kerajaan telah memperuntukkan kewangan bagi tujuan latihan Guru/Penyelia KAFA dan pembelian alat-alat bantuan mengajar. Pada tahun 2009 kerajaan telah memperuntukkan RM 2,340,000 bagi tujuan tersebut. Bagi negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM18,183,000.00 bagi peruntukan elaun guru KAFA, RM128,200.00

untuk

kos latihan dan RM20,000.00 untuk kos peralatan. Agihan peruntukan berdasarkan jumlah guru KAFA, sekolah KAFA dan taburan guru mengikut negeri dan bukannya mengikut kepada kawasan Parlimen.

Sekian, terima kasih.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATUK HAJI YUSOFF BIN MAHAL  
[LABUAN]

TARIKH

15 APRIL 2010

SOALAN [31]

YB DATUK HAJI YUSOFF BIN MAHAL  
[LABUAN] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan berhubung status pelarian-  
pelarian yang diiktiraf Suruhanjaya Tinggi  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu  
(UNHCR) yang memegang IM13 yang kini  
membanjiri Labuan dan juga Sabah, adakah  
mereka ini akan diberi status pemastautin  
untuk terus menduduki negara ini atau  
mereka ini akan kekal dengan status  
pelarian.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan di atas soalan yang dikemukakan.

1. Malaysia bukan merupakan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967 (*Convention Relating to the Status of Refugee 1951 and Protocol 1967*) yang menjadi asas bagi menentukan taraf pelarian dan permohonan untuk pencari suaka. Kerajaan berpendapat sekiranya Malaysia menandatangani Konvensyen tersebut, dan disokong oleh faktor kedudukan geografi Malaysia yang strategik di rantau Asia Tenggara, ianya akan menjadi faktor penarik kepada orang pelarian datang ke Malaysia. Ramai pendatang asing yang mendakwa diri mereka sebagai orang pelarian sebenarnya datang ke Malaysia di atas sebab ekonomi.
2. Oleh kerana tidak ada undang-undang khas bagi orang pelarian di negara ini, isu orang pelarian adalah tertakluk di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002), di mana kesemua mereka dianggap sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).
3. Setakat 2 April 2010 terdapat seramai 86,829 orang yang berada di bawah perlindungan sementara Pejabat Pesuruhjaya

Tinggi bagi Orang Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) di Kuala Lumpur. Orang-orang pelarian ini akan berada di Malaysia sebelum dipindahkan ke negara ketiga. Pecahan mengikut kerakyatan dan negara asal mereka adalah seperti berikut : Myanmar (80,487), Sri Lanka (3,298), Somalia (878), Iraq (572), Afghanistan (531), Palestine (212) dan Iain-lain.

4. Buat masa ini, pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam isu orang pelarian ialah memberi bantuan dan perlindungan kepada pihak-pihak tertentu yang memerlukannya mengikut kes-kes tertentu (*case by case basis*) atau atas dasar perikemanusiaan. Sehubungan ini, Malaysia telah bekerjasama dengan pihak UNHCR di Kuala Lumpur dan IOM di Bangkok untuk membantu dalam hal ehwal penghantaran semula orang pelarian secara sukarela (*voluntary repatriation*) ke negara asal mereka atau penghantaran semula ke negara-negara ketiga (*third country repatriation*).

5. Untuk makluman pemberian Permit Masuk bagi mendapatkan taraf Pemastautin Tetap dibuat berdasarkan peruntukan Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63 dan peruntukan Peraturan 4, Peraturan- peraturan Imigresen 1963. Antara syarat utama permohonan adalah pemohon perlu memiliki dokumen perjalanan/pasport yang sah. Pertimbangan pula dibuat mengikut merit setiap kes permohonan secara *case by case*.

6. Kerajaan Malaysia akan sentiasa mengambil pendekatan berhemah sebagai iltizam Kerajaan dalam mencari penyelesaian bagi menangani masalah orang pelarian ini dengan kerjasama pihak UNHCR dan IOM.

Sekian, terima kasih.

**Nf\ 3 2.**

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B (128)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
NEGARA, MALAYSIA**

**DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJIYUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.04.2010 SoMJv+J lvi6 -**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah mekanisme mengumpul data dan pendaftaran yang digunakan bagi melaksanakan GST terhadap syarikat-syarikat untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk memastikan hanya syarikat-syarikat yang tulen sahaja berdaftar di bawah GST dan juga bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan semasa GST dilaksanakan, Kerajaan akan menggunakan beberapa mekanisme seperti berikut:-

- i. memastikan syarikat-syarikat mengemukakan maklumat asas perniagaan, jenis bekalan yang dibuat dan butiran kewangan dan perakaunan dikemukakan semasa permohonan pendaftaran dibuat;
- ii. membuat semakan silang (*cross-checking*) dan melaksanakan kaedah perkongsian maklumat dengan agensi-agensi berkaitan sebelum sesuatu permohonan pendaftaran diluluskan;
- iii. mengadakan program penilaian risiko bagi mengenai pasti jenis perniagaan dan orang yang berpotensi untuk melakukan aktiviti ketidak patuhan dan frod;
- iv. mengadakan program pengauditan secara menyeluruh ke atas rekod dan akaun perniagaan; dan
- v. menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas serta mengenakan denda dan penalti yang tinggi.

NO.AUM : 44

NO. AUP : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]

DARIPADA

15 APRIL 2010

TARIKH

2488

RUJUKAN

~~SOALAN:~~  
Datuk Tiong Thai King [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes jenayah seperti merompak, menculik, meragut, membunuh, merogol dan sebagainya yang membabitkan pendatang asing sama ada secara sah atau tidak sah pada tahun 2009.



## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lanang yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kes jenayah yang melibatkan warga negara asing yang dilaporkan pada tahun 2009 ialah sebanyak 3,060 kes. Daripada jumlah tersebut, pecahannya adalah 102 kes bunuh, 57 kes rogol, 657 kes samun, 131 kes mendatangkan cedera, 1,286 kes curi, 257 kes curi kenderaan, 67 kes ragut dan 503 kes pecah rumah.

NO. AUM : 45

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]  
TARIKH 15 APRIL 2010  
RUJUKAN 2568

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang akan diambil ke atas surat khabar seperti Utusan Malaysia yang sentiasa menerbitkan rencana yang mengapi-apikan sentimen perkauman dan agama yang jelas tidak memenuhi hasrat "Program Transformasi Kerajaan" seperti yang diulas dalam seksyen 4.5.7 Pelan Hala Tuju.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahii Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

1. Izinkan saya menjawab soalan dari YB Ipoh Timur ini bersekali dengan empat (4) lagi soalan lain yang menyentuh apakah tindakan kerajaan terhadap media yang memainkan isu perkauman, khususnya akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian yang didakwa milik Parti UMNO. Soalan - soalan berkaitan ialah daripada YB Shah Alam pada 22 Mac; YB Gombak pada 31 Mac; YB Baling pada 15 April dan YB Petaling Jaya Utara juga pada 15 April.
2. Pertamanya ingin saya tegaskan bahawa akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian bukanlah milik Parti UMNO.
3. Kerajaan **tidak mengambil tindakan** terhadap Utusan Malaysia dan Berita Harian kerana **laporan berita yang dibuat** tidak menghina mana-mana kaum dan agama tetapi hanya membangkitkan isu-isu yang mendapat perhatian bangsa sendiri.

4. Usaha kerajaan untuk mencegah bagi memastikan media tidak mencetuskan isu perkauman (berkaitan soaln YB Shah Alam) **SOALAN NO: 35**  
**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
antaranya ialah mengadakan Garis Panduan Penerbitan, mengadakan sesi pertemuan dengan ketua editor/editor, nasihat, teguran, peringatan dan tindakan terakhir ialah tindakan. undang- undang berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa.

**Lisan**

**PERTANYAAN**

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said (**Pengerang**)

**DARIPADA**

**15 APRIL 2010 (KHAMIS)**

**TARIKH**

YB Datuk Azalina binti Dato' Othman Said (Pengerang) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berhubung pemberian lesen kepada golongan nelayan yang mana ketika ini dilihat tidak begitu sistematik dan bersifat pilih kasih.

**SOALAN**

**Jawapan**

**Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,**

**Tuan yang DiPertua**

Sejak tahun 1982, pengeluaran lesen vesel penangkapan ikan bagi Zon A, B dan C telah dibekukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia sehingga kini. Pembekuan tersebut tidak termasuk pengeluaran lesen vesel penangkapan ikan untuk vesel zon C2 pantai timur Semenanjung dan Malaysia Timur serta vesel laut dalam di zon C3.

**SOALAN NO: 35**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Namun begitu, permohonan perlesenan vesel penangkapan ikan bagi zon C2 dan C3 tersebut perlu melalui proses yang ditetapkan di dalam Dasar dan Prosedur Pelesenan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Dasar tersebut telah menetapkan bahawa setiap permohonan perlu melalui proses pemeriksaan, Jawatankuasa Temuduga Permit Laut Dalam dan Tuna dan Jawatankuasa Penilaian Laut Dalam dan Tuna yang akan dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sendiri. Kelulusan bagi setiap permohonan adalah berdasarkan merit terhadap kriteria yang telah ditetapkan dan tiada unsur pilih kasih.

Pada tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan program pemberian lesen sampan di zon A kepada nelayan tulen yang tidak berlesen. Setiap latar belakang nelayan akan disiasat terlebih dahulu oleh pegawai-pegawai Jabatan Perikanan Malaysia dan hanya mereka yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang diberikan lesen. Antara syarat yang ditetapkan adalah memiliki sampan, menjalankan aktiviti menangkap ikan sekurang-kurangnya 120 hari setahun serta punca utama pendapatan adalah dari aktiviti menangkap ikan. Syarat-syarat ini ditetapkan bagi memastikan hanya nelayan tulen sahaja yang menerima lesen.

**NO. SOALAN : 36**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA YB DATO' HAJI WAN ABD RAHMAN BIN  
PERTANYAAN LISAN  
WAN ABDULLAH [ KOTA BHARU ]  
TARIKH 15 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Haji Wan Abd Rahman bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menimbangkan pegawai- pegawai profesion guaman dilantik sebagai ahli SPR.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

SPR merupakan sebuah agensi Kerajaan, pegawai SPR merupakan dari kalangan penjawat awam. Dalam prosedur pelantikan pegawai awam tiada halangan sekiranya individu berlatarbelakangkan profesion guaman ingin memohon sebagai penjawat awam.

Sekian, Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

NO. AUM : 52

PERTANYAAN LISAN

NO. AUP ■ n

DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [ SEKIJANG ]

15 APRIL 2010

TARIKH 2489

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Haji Baharum Bln Mohamed [ Sekijang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa  
ramaikah rakyat Malaysia yang telah memohon untuk menggururkan  
taraf kerakyatan Malaysia dan berpindah ke negara lain mengikut tahun  
2006, 2007, 2008 dan 2009.



## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sekijang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 13,933 rakyat Malaysia telah menggugurkan taraf kerakyatan Malaysia dari tahun 2006 hingga tahun 2009 dan mereka ini telah berpindah ke negara lain. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 2006	2,725 orang;
Tahun 2007	4,565 orang;
Tahun 2008	1,994 orang; dan
Tahun 2009	4,649 orang.

Permohonan untuk menggugurkan kerakyatan ini adalah berdasarkan kepada Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan di mana mereka ini ingin atau telah menjadi warganegara bagi negara lain.

**SOALAN NO: sg'**

**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] 15**

**April 2010**

**PERTANYAAN DARIPADA**

**TARIKH SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan pampasan yang perlu dibayarkan kepada syarikat-syarikat konsesi untuk diskaun 20% lebu ray yang diberikan kepada pengguna lebu ray yang melalui tol lebih 80 kali sebulan.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengguna kad *Touch n Go* yang layak mendapat rebat tol 20% bermula September 2009 sehingga Februari 2010 adalah seramai 755,805 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, amaun rebat yang perlu diperuntukkan oleh Kerajaan adalah berjumlah RM34.38 juta. Walau bagaimanapun, sehingga 5 Mac 2010 jumlah pengguna lebuhraya yang telah membuat penebusan hanya seramai 141,110 dengan amaun rebat yang telah ditebus adalah sebanyak RM6.31 juta

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK IR EDMUND CHONG KET WAH</b>
	<b>(BATU SAPI)</b>
<b>TARIKH</b>	15.04.2010 (KHAMIS )
<b>NO SOALAN</b>	39

**DATUK IR EDMUND CHONG KET WAH ( BATU SAPI )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan apakah keputusan muktamad pihak Kerajaan untuk mengenakan harga minyak yang lebih tinggi terhadap kenderaan-kenderaan asing yang masuk ke Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan bahawa penyaluran subsidi Kerajaan sampai kepada golongan sasaran ini termasuklah subsidi bagi produk petrol dan diesel. Tidak dapat dinafikan bahawa subsidi bagi petrol dan diesel juga dinikmati oleh kenderaan asing. Kerajaan kini sedang menjalankan kajian secara komprehensif dengan mewujudkan *Subsidy Rationalization Lab* bagi

mengkaji mekanisme terbaik mengenai pelaksanaan penyaluran subsidi yang merangkumi bahan petroleum, makanan serta infrastruktur yang lain. Hasil daripada kajian tersebut akan digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan dasar pemberian subsidi pada masa hadapan.

*MA-. q Q*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS TAHUN 2010**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**                    **LISAN YB DR.LO'LO' BINTI MOHAMAD  
GHAZALI (TITIWANGSA)**

**TARIKH**                      **15 APRIL 2010**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan tindakan yang telah diambil dari pembongkaran yang dibuat oleh Dr. KP. Selvaa Vathany tentang kepincangan di Hospital JHEOA Gombak.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menyiasat isu ini yang berpunca daripada aduan Dr Selva Vathany mengenai ketidakcekapan pengurusan dan pentadbiran Hospital JHEOA, Gombak kepada Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara (KSN). Ekoran daripada itu KKLW telah menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Kanan Pentadbiran (Khidmat Pengurusan) untuk melakukan siasatan terhadap dakwaan tersebut. Pada 28 Januari 2010 Jawatankuasa ini telah mengadakan lawatan ke Hospital JHEOA, Gombak dengan mengambil keterangan daripada kakitangan terlibat termasuk Dr. Selvaa. Hasil siasatan yang dijalankan dakwaan berlaku ketidak cekapan pengurusan Hospital Gombak adalah tidak berasas dan tidak benar.

**NO.AUM : 56**

**NO. AUP : 4i**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                      LISAN**

**DARIPADA      DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGARA]**

**15 APRIL 2010**

**TARIKH                      2490**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan masalah pekerja-pekerja asing yang tinggal di kawasan taman perumahan yang sering menimbulkan kacau ganggu kepada ketenteraman penduduk tempatan. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah kebanjiran dan kacau ganggu pekerja-pekerja asing ini.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tenggara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran pekerja asing di Malaysia telah memberi sumbangan besar dalam industri berkenaan, di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Tidak dinafikan terdapat segelintir pekerja asing ini yang mana kehadiran mereka menimbulkan rasa kurang senang penduduk tempatan, seperti di kawasan taman perumahan tempat tinggal mereka.

Kementerian tidak memandang ringan kehadiran pekerja asing di Malaysia. Antara tindakan Kerajaan untuk mengatasi isu ini adalah seperti:

- i) membentangkan isu pekerja asing kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKK-PA/PATI) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi mendapatkan dasar-dasar umum menyelesaikan isu-isu pekerja asing secara holistik; dan
- ii) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap,

mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar

peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Sepanjang tahun 2009 sebanyak 7,099 operasi telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di seluruh negara, dan hasilnya sejumlah 47,310 tangkapan telah dibuat atas pelbagai kesalahan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Langkah ini bertujuan mencari resolusi berkesan termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	15 APRIL 2010 ( KHAMIS )
SOALAN	NO. 42

SOALAN

YB. Datuk Chua Soon Bui minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU

DAN AIR menyatakan

- (a) adakah Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk membina lebih banyak bekalan kuasa elektrik biojisim yang boleh diperbaharui dan bersih daripada kilang sawit di Sabah untuk menyelesaikan masalah kekurangan kuasa elektrik di Sabah. Jika

**Soalan No: 42**

tidak, mengapa. Jika ya, apakah jadualnya; dan

- (b) apakah keputusan yang dibuat Kementerian tentang Loji Jana Kuasa berasaskan arangbatu di Felda Tungku. Adakah loji jana kuasa itu bertentangan dengan komitmen Kerajaan kepada Pernyataan Copenhagen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian sentiasa menggalakkan pembangunan projek-projek tenaga boleh diperbaharu (*Renewable Energy* - RE) daripada sumber biomass di bawah Program *Small Renewable Energy Power* (SREP) terutamanya bagi sumber yang berasaskan *Empty Fruit Bunches* (EFB) daripada sisa sawit. Ini memandangkan di Malaysia terdapat banyak ladang kelapa sawit yang menghasilkan sisa sawit yang boleh digunakan bagi menjana tenaga elektrik termasuk di negeri Sabah.

Di bawah program SREP, terdapat 7 projek biomass dengan kapasiti sebanyak 75MW yang telah diluluskan di negeri Sabah. Setakat Disember 2009, terdapat 3 projek biomass berasaskan EFB yang telah beroperasi di Sabah dengan kapasiti sebanyak 30MW dan yang selebihnya sedang dalam peringkat pembinaan. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa, pelaksanaan projek-projek SREP adalah bergantung kepada penglibatan daripada pemaju-pemaju persendirian. Kementerian pada masa ini sedang dalam proses untuk memperkenalkan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu bagi meningkatkan pembangunan RE dan adalah diharapkan agar pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ini akan dapat memacu pembangunan projek-projek biomass di negeri Sabah dan di seluruh Malaysia secara amnya

dengan lebih pesat.

(b) Mengenai soalan berkaitan dengan Loji Jana Kuasa berasaskan arang batu di Felde Tungku, Kementerian menyokong projek ini kerana ia merupakan satu perancangan jangka panjang sebagai strategi dalam mempertingkatkan daya harap dan memperkukuhkan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah. Pembangunan pesat di Kawasan Pantai Timur memerlukan pembinaan satu loji jana kuasa yang mempunyai kapasiti yang besar, untuk menampung keperluan masa kini dan akan datang. Mengambil kira teknologi terbukti pada masa ini serta sumber bahan api yang dijamin boleh diperolehi bagi mengatasi masalah bekalan elektrik, Kementerian telah menimbangkan untuk membina loji jana kuasa berasaskan arang batu di Pantai Timur Sabah. Berbanding dengan sumber tenaga yang lain, arang batu juga mempunyai kemantapan penyelidikan

dari segi dana penyelidikan yang lebih besar dan penemuan teknologi baru dan canggih untuk mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar.

Ini memberi keyakinan bahawa loji jana kuasa arang batu mempunyai potensi yang lebih tinggi dalam menangani isu-isu pencemaran. Selain daripada itu, negara-negara terbesar di dunia (Amerika/China) juga mendapat sumber utama tenaga elektrik dari penajaan kuasa arang batu.

Keputusan melaksanakan projek Loji Jana Kuasa berasaskan arang batu ini tidak bertentangan dengan komitmen kerajaan kepada Penyataan Copenhagen memandangkan Pernyataan Copenhagen atau *Copenhagen Accord (CA)* dengan izin bukan merupakan satu dokumen yang mengikat (*binding*). Selain daripada itu, sebarang usaha mitigasi yang dilaksanakan adalah secara sukarela di peringkat domestik bagi negara-negara bukan *Annexe I* (Non-Annexe I Parties, dengan izin). Kenyataan YAB Perdana Menteri dalam ucapannya jelas menyatakan bahawa *“Renewable Energy as a diversification strategy NOT declared as replacement of the other 4 dominant source of energy.”*, dengan izin.

Mengenai isu seterusnya YAB Perdana Menteri menyampaikan persetujuan

bersyarat:

*“There are proposals in Copenhagen that we accept a long term goal for global emissions reduction of 50% by 2050... ‘...’This is an almost impossible task given our imperative for high economic growth. Therefore, the developed countries have to commit to cut their emissions by well over 100%.” “On Adoption of indicator 40%...Clear implication in the The Prime Minister’s speech this adoption subject to receiving the transfer of technology and finance of adequate and effective levels.”, dengan izin.*



berkaitan termasuklah membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar, meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman serta menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada murid miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.



**SOALAN NO : 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
LISAN**  
**PERTANYAAN**  
**DARIPADA :** **DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**  
**[ KUALA KRAI ]**  
**TARIKH**  
**SOALAN** **15 APRIL 2010**

**Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan perubatan yang telah kembali dari negara-negara seperti Ukraine dan Rusia dan berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan bagaimana prestasi kerja dan keterampilan klinikal graduan tersebut.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia memang prihatin tentang keperluan pegawai perubatan yang berketerampilan, berkemahiran dan mempunyai prestasi kerja yang memuaskan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan berkualiti kepada rakyat.

Sehingga kini, Majlis Perubatan Malaysia telah mengiktiraf lebih dari 366 buah institusi pengajian tinggi perubatan dalam dan luar negara termasuklah dari Ukraine dan Rusia. Sehingga kini, terdapat seramai 677 orang graduan dari Rusia dan 594 orang graduan dari Ukraine yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Perubatan Siswazah. Sehingga kini graduan dari Ukraine dan Rusia dapat menjalani latihan siswazah sama seperti graduan lain. Sekiranya prestasi mereka didapati tidak memuaskan

maka tempoh latihan akan dilanjutkan sehingga prestasi mencapai standard yang ditentukan tanpa mengira latar belakang ijazah mereka.

Memandangkan graduan perubatan yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia datang dari institusi pengajian tinggi yang berlainan dengan latar belakang kurikulum yang berbeza maka pendedahan klinikal yang diterima adalah berbeza mengikut keperluan negara di mana latihan tersebut dijalani. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan program latihan pegawai perubatan siswazah selama 2 tahun yang diwajibkan bagi semua graduan perubatan bagi memastikan mereka mendapat pengetahuan, kemahiran dan sikap yang profesional untuk menjadi pegawai perubatan yang selamat. Pihak Majlis Perubatan Malaysia membuat pemantauan terhadap kualiti semua graduan perubatan dari dalam dan luar negara.

**Soalan No : 45**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)
TARIKH	15.04.2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan status atau kedudukan sekolah-sekolah di bawah Program Sekolah Kluster, setelah Program Sekolah Berprestasi Tinggi dilancarkan. Apakah perbezaan status kedua-dua jenis sekolah ini, dan bagaimana pula Kerajaan dapat memastikan peruntukan ke sekolah terpencil yang tidak pernah diletakkan di bawah mana-mana program sekolah berdarjat ini tidak dilupakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan antara Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dengan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ialah SKK merupakan sekolah yang cemerlang dalam kelompok, mempunyai kebitaraan yang menyerlah dan dipilih dengan mengambil kira tahap, jenis, dan lokasi sekolah. Manakala SBT pula merupakan sekolah yang cemerlang dari segala aspek seperti akademik, kokurikulum, pengurusan, perhubungan dengan komuniti, membentuk jaringan antara sekolah dan jalinan antara agensi (seperti Institusi Pengajian Tinggi) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SBT merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan

kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan SBT sebagai satu penanda aras yang menjadi pengukur bagi sekolah-sekolah lain termasuk meletakkan kejayaan sekolah-sekolah tersebut di persada antarabangsa. Langkah ini dapat memastikan semua sekolah berusaha mencapai penanda aras yang tinggi tersebut, selari dengan matlamat Program Transformasi Kerajaan, iaitu *BIG RESULTS FAST*. Sehubungan dengan itu mana-mana sekolah samada SKK atau sekolah harian biasa berpeluang untuk mencapai status SBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sekolah - sekolah yang belum mencapai tahap SBT, KPM akan memperkenalkan *School Improvement Programme (SIP)*. *School Improvement Program* ini merangkumi *School Improvement Toolkit* bagi menilai kemajuan sekolah dan *School Improvement Plan* bagi membantu sekolah mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang terdapat di sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[GOMBAK]

TARIKH

15 APRIL 2010

SOALAN  $\text{£}^{\langle \rangle 3}$ :

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan berikutan memorandum yang ditandatangani oleh lebih daripada 50 orang Ahli Parlimen Australia yang menggesa tuduhan jahat dan konspirasi politik terhadap YB Dato' Seri Anwar

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB**  
**LISAN**

Ibrahim digugurkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH

17 MAC 2010

SOALAN

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian dan penjelasan Kerajaan dalam isu petisyen lebih 50 orang Ahli Parlimen dan Senator Negara Australia yang menggesa Kerajaan serta Jabatan Peguam Negara menggugurkan dakwaan terhadap Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT  
SULONG]

TARIKH

1 APRIL 2010

SOALAN

YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT  
SULONG] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan tindakan yang diambil terhadap  
campur tangan Ahli Parlimen Australia terhadap  
keutuhan Sistem perundangan negara ini dan  
apakah langkah yang telah diambil untuk  
menjelaskan kes perbicaraan Ketua



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB**  
**LISAN**

Pembangkang kepada ahli-ahli Parlimen  
tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Taiping bertarikh 17 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulung bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Gombak bertarikh 15 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sedia maklum bahawa perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim seperti perbicaraan beliau sebelum ini akan menarik perhatian pelbagai pihak sama ada di dalam atau di luar negara. Oleh yang demikian, reaksi dari sekumpulan Ahli Parlimen Australia dalam perkara ini bukanlah satu perkara di luar jangkaan. Oleh yang demikian, kerajaan bertanggungjawab memberi penjelasan sewajarnya kepada mereka bagi mempertahankan kedaulatan negara dan keluhuran undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah menemui ahli Parlimen yang berkenaan untuk memberi penjelasan kepada beliau mengenai fakta-fakta sebenar tentang kes mahkamah Dato' Seri Anwar Ibrahim. Seperti kita maklum, ahli parlimen tersebut dilaporkan telah menyentuh perkara ini dalam ucapan beliau di Parlimen Australia.

4. Sebagai tindakan selanjutnya, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah juga menulis surat kepada 50 ahli parlimen yang tersenarai dalam surat yang diutuskan kepada beliau bagi memperjelaskan kedudukan sebenar berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

5. Selain daripada itu, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh Menteri Luar Negeri pada 12 Februari 2010 untuk menyangkal dakwaan ahli Parlimen Australia dan menasihati mereka supaya menghormati keluhuran undang-undang Malaysia yang mengutamakan keadilan dan hak rakyat tanpa mengira pangkat dan darjat.

6. Harus dijelaskan bahawa pandangan yang disampaikan oleh beberapa Ahli Parlimen Australia tidak mewakili atau mencerminkan pendirian Kerajaan Australia yang sememangnya tidak ingin campur tangan dalam hal-ehwal dalaman di Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia dan semua Perwakilan Malaysia di luar negeri akan terus memantau perkembangan laporan dan pandangan berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akan memberikan penjelasan di mana timbul keperluan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT,

MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN DARIPADA

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

[PARIT]

TARIKH SOALAN

15 April 2010

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah pelebaran lurus jalan dari Seputih, MRSM dan Simpang 3 Parit akan dilaksanakan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah merancang pelan pembangunan rangkaian jalan raya di seluruh Semenanjung Malaysia dengan mengambil kira faktor trafik, guna tanah, sosio ekonomi dan keselamatan kepada pengguna jalan raya amnya.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan raya (*Highway Network Development Plan: HNDP*), Kementerian Kerja Raya sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaik taraf serta meningkatkan jalan-jalan yang mempunyai selekoh yang berbahaya seperti di Jalan Persekutuan FR73 dari Siputeh ke Beruas. Jalan ini digunakan oleh penduduk dari Siputeh dan Beruas untuk ke Pekan Parit dan sebaliknya. Di samping itu, jalan ini menjadi jalan penghubung kepada jalan masuk ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Parit yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2011 .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun projek

ini tidak dirancang pelaksanaannya dalam RMKe-10, ia akan di ambil tindakan dalam kerja pembaikan atau peningkatan di kawasan-

kawasan berbahaya menggunakan peruntukan penyenggaraan kawasan berbahaya (*black spot*). Peningkatan jalan ini adalah seperti memperbaiki selekoh yang berbahaya, memperbaiki keadaan permukaan yang tahan gelinciran (*skid resistance*) yang rendah dengan turapan yang lebih selamat serta menambah jarak penglihatan (*sight distance*) pada lokasi yang berbahaya. Dengan ini keadaan jalan akan menjadi lebih selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya.

Walau bagaimanapun, peningkatan secara keseluruhan akan di cadangkan kepada agensi pusat dalam *Rolling Plan* Kedua RMKe - 10.

**SOALAN NO.48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH 15 APRIL 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia menyemak semula sistem perialanan pilihan raya di negara ini. Adakah Kerajaan sedar terdapat banyak kelemahan yang semakin memburukkan imej demokrasi negara ini.



**JAWAPAN :            YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak merdeka 53 tahun yang lalu, Negara telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, demokrasi kita demokrasi terpimpin, yang mana kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (the majority), melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau 'Wakil Rakyat' di dalam Parlimen.

Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah , diasaskan semenjak 52 tahun yang lalu, yang berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut:-

- (a) Berasaskan kepada sistem *First Past The Post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan diisytiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain.
- (b) Berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya (*Single Member Territorial Representation*) sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN).
- (c) Berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya (*Multi Party Electoral System*).

Dalam hal ini perlu disebut bahawa SPR telah membuktikan kewibawaannya melalui pengendalian 12 Pilihan Raya Umum (PRU) semenjak tahun 1959, yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan pada PRU 12. Ini tidak termasuk 9 Pilihan Raya Kecil iaitu 3 bahagian Parlimen dan 6 bahagian DUN, yang mana pihak pembangkang telah memenangi 7 daripadanya.

Sekaligus meyakinkan SPR bahawa sistem pilihan raya yang diguna pakai sekarang adalah sistem yang berwibawa (*credible election*). Ini kerana, keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah (*legitimate*) oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

Bagaimanapun ini tidak bermakna tiada ruang untuk melakukan reformasi dan transformasi di dalam sistem yang sedia ada. Bahkan, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan

operasinya.demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya,  
sekali gus demokrasi di

Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu  
berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas  
demokrasi Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) 15
TARIKH SOALAN	APRIL 2010 (KHAMIS)
	<b>TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN</b> minta
	<b>MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS</b>
	<b>TANI</b>
	menyatakan:

Mekanisme yang digunakan untuk memastikan tidak ada baja subsidi padi disalahgunakan yang menyebabkan hasil padi di negara ini jauh lebih rendah dari kemampuan sebenar pengeluaran makanan asasi ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan tiada baja subsidi padi yang disalahgunakan oleh penerima baja-baja tersebut.

Di antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (a) Petani-petani yang memohon baja subsidi perlu berdaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan di mana senarai daftar akan ditapis oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada agensi Kerajaan iaitu

Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian dan melibatkan juga Pejabat Daerah serta Penghulu di kawasan yang berkaitan.

- (b) Selepas tapisan oleh jawatankuasa tersebut, petani hanya akan memperolehi baja subsidi pada kuantiti tertentu berdasarkan kelayakan dari segi keluasan kawasan tanaman padi yang diusahakan.
- (c) Petani yang menerima baja subsidi tersebut perlu mengesahkan penerimaan melalui dokumen yang telah ditetapkan.

Petani-petani yang didapati menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang diberi seperti menjual baja subsidi kepada pasaran terbuka akan disenaraihitamkan serta tidak layak untuk menerima baja subsidi bagi tempoh 2 musim bertanam. Setakat ini, kebanyakan kes yang telah dikenal pasti adalah kes terpencil dan telah diselesaikan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan ataupun Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri.

#### **PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

15 APRIL 2010 ( KHAMIS )

DARIPADA

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW  
(TANJONG)

**SOALAN**

**Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula keperluan untuk memulihkan pilihan raya untuk Kerajaan tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Pilihanraya Kerajaan Tempatan diadakan antara lain, adalah untuk memilih ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang berkelayakan dan berkemampuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing di seluruh Semenanjung Malaysia. Ordinan Kerajaan Tempatan bagi Negeri Sabah dan Sarawak walau bagaimanapun tidak memperuntukkan sebarang seksyen mengenai pilihanraya berkenaan. Seksyen 10 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) telah menggariskan ciri- ciri ahli Majlis yang boleh dilantik seperti berikut:

- I. hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka;
- II. orang-orang yang biasanya bermastautin dalam

kawasan PBT itu;

- III. pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan; atau
- IV. memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian; atau
- V. mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam PBT itu

Seksyen 10(2) Akta 171 telahpun memberikan garis panduan yang jelas kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik individu yang bukan sahaja berpengalaman dalam hal ehwal kerajaan tempatan malahan individu yang pada pertimbangan Kerajaan Negeri berjaya dalam profesion masing-masing. Ini adalah bertujuan supaya ahli majlis berkenaan dapat menyumbang secara signifikan dalam pembangunan kawasan PBT masing-masing disamping menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Menyedari bahawa negara kita berbilang kaum, ras, budaya dan agama, Kerajaan Negeri juga dibolehkan melantik ahli Majlis dari kaum-kaum tertentu dengan tujuan memastikan kepentingan kaum-kaum berkenaan terpelihara. Oleh yang demikian, sekiranya pada pandangan Pihak Berkuasa Negeri, ahli-ahli majlis yang dilantik oleh mereka sendiri tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap seperti



yang dinyatakan oleh Y.B. Kuantan, Kerajaan Negeri boleh menggantikan ahli-ahli majlis berkenaan dengan mereka yang lebih berkelayakan dan berkemampuan setelah tempoh lantikan tamat. Ini adalah kerana kuasa melantik ahli-ahli Majlis terletak didalam Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.

Dalam nada yang sama, saya ingin mengulangi bahawa, setakat ini Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda Seksyen 15 Akta 171 atas faktor-faktor keselamatan dan kewangan. Mengenai dakwaan bahawa ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak secepat yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya, ingin dinyatakan bahawa pemilihan melalui pilihanraya bukanlah satu jaminan bahawa ahli Majlis yang dipilih akan menjadi lebih cekap dan berpengalaman dalam hal ehwal kerajaan tempatan. Kecekapan Ahli Majlis dan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mapan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2010

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR**

**TARIKH : 15 APRIL 2010**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta****PERDANA**  
**MENTERI** menyatakan langkah-langkah tegas dan proaktif SPRM dalam mencegah dan membasmi perlakuan rasuah di kalangan ahli- ahli politik. Senaraikan jumlah tangkapan, dakwaan dan sabit kesalahan jenayah rasuah melibatkan ahli-ahli politik sejak tahun **2008**.



JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa bertindak secara bebas, telus dan *colour blind* (dengan izin) dalam membanteras jenayah rasuah termasuklah yang melibatkan kaiangan ahli-ahli parti politik. SPRM dari semasa ke semasa senantiasanya mengambil tindakan pengesanan yang proaktif dengan menggunakan kaedah *intelligence based investigation* (dengan izin) bagi mendapatkan maklumat dan keterangan berkaitan sesuatu perlakuan jenayah rasuah sebagaimana yang terbukti melalui tangkapan ke atas seorang Setiausaha Politik seorang anggota pentadbiran baru-baru ini. Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) antara lainya telah memperkenalkan inisiatif untuk mengurangkan secara berperingkat amalan surat sokongan yang kerap digunakan oleh ahli-ahli Politik untuk mempengaruhi dan memintasi dasar serta tatacara standard Kerajaan bagi mendapatkan kontrak sepertimana garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 8 Mac 2010.

Dari tahun 2008 hingga 28 Februari 2010, sejumlah 32 tangkapan telah dibuat terhadap ahli-ahli dari parti politik. Dari jumlah tersebut, 20 orang telah didakwa dan sehingga kini 2 orang telah disabit berhubung kesalahan jenayah rasuah terhadap mereka. Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN :**  
**36**  
**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
YB DR. LEE BOON CHYE**

**[GOPENG]**

**TARIKH**

**15 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak bila Datuk Nasir Safar dilantik sebagai Pegawai Khas di Jabatan Perdana Menteri dan apakah jawatan beliau di Kerajaan pada Oktober 2006.

**JAWAPAN :** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
Tuan Yang Di Pertua,

Datuk Nasir Safar dilantik sebagai Pegawai Khas di Jabatan Perdana Menteri mulai 10 April 2009. Pada Oktober 2006 beliau merupakan Pegawai Penerangan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri.

Sekian, Terima kasih.

Mo-£3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DR CHE ROSLI BIN CHE MAT</b> <b>(HULU LANGAT)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.04.2010 (KHAMIS)</b>
<b>NO SOALAN</b>	<b>53</b>

**DR CHE ROSLI BIN CHE MAT ( HULU LANGAT ) minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan:-

- (a) kesan kempen pengurangan penggunaan gula dan bahaya kepada kesihatan; dan
- (b) jumlah peruntukan subsidi gula bagi membantu mengekalkan harga sekarang dan jumlah penjimatan kepada Negara hasil pengurangan subsidi gula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Tujuan utama pelaksanaan Kempen Kurangkan Pengambilan Gula adalah untuk memberi kesedaran kepada pengguna mengenai bahaya dan risiko pengambilan

gula yang berlebihan terhadap kesihatan mereka. Kempen yang dijalankan ini juga akan memberikan pengguna pemahaman untuk mengamalkan cara hidup yang sihat melalui pemakanan yang seimbang. Sepanjang kempen ini berlangsung dari bulan Disember 2009 sehingga Mac 2010, sebanyak 128 program telah dilaksanakan di seluruh negara.

Melalui kajian awal yang telah dijalankan, kempen ini telah memberi kesedaran kepada pengguna berkaitan bahaya pengambilan gula kepada kesihatan dan pengguna telah mula mengubah corak pengambilan gula harian mereka. Berdasarkan keputusan kajian awal terhadap 18,571 responden yang terdiri daripada penduduk bandar dan luar bandar di seluruh negara, sebanyak 83% responden bersetuju bahawa kempen ini telah membantu memberi kesedaran tentang bahaya pengambilan gula secara berlebihan dan sebanyak 82% bertekad untuk mengurangkan pengambilan gula dalam diet seharian mereka.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga menjalankan soal selidik melalui laman web Kementerian dan melibatkan sebanyak 1627 responden. Sebanyak 32.2% responden menyatakan bahawa kadar penggunaan gula oleh isi rumah mereka adalah kurang dari 1 kilogram sebulan, 43% menggunakan gula diantara 1 hingga 3 kilogram sebulan dan hanya 24% sahaja menggunakan lebih dari 3 kilogram sebulan. Untuk makluman, Kempen Kurangkan Pengambilan Gula ini masih lagi berjalan dan keputusan penuh kesan kempen ini akan diketahui setelah satu kajian keberkesanan dilaksanakan oleh Kementerian pada bulan Jun 2010.

Kerajaan telah menanggung subsidi berjumlah RM720 juta (kadar subsidi ialah 60

**Tuan yang Dipertua,**

sen sekilogram) bagi mengekalkan harga runcit gula (RM1.45 sekilogram) sepanjang tahun 2009. Berdasarkan anggaran penggunaan gula dalam negara pada 2010 sebanyak 1.26 juta tan metrik, tanggungan subsidi gula akan meningkat kepada RM1.26 bilion setahun dengan kadar subsidi sebanyak RM1.00 sekilogram akibat kenaikan harga gula mentah daripada USD0.131/lb kepada USD 0.261/lb pada Disember 2009.

Oleh itu, Kerajaan bersetuju menaikkan harga runcit gula sebanyak 20 sen sekilogram mulai 1 Januari 2010 bagi mengurangkan kenaikan tanggungan subsidi gula. Dengan kenaikan tersebut, beban kewangan Kerajaan dapat dikurangkan daripada RM 1.26 billion kepada RM1.008 bilion setahun dengan penjimatan sebanyak RM 252 juta. Walaubagaimanapun, Kerajaan masih menanggung subsidi gula sebanyak 80 sen sekilogram.

Kenaikkan harga gula sebanyak 20 sen sekilogram setelah mengambil kira kesan kenaikan harga yang minima terhadap produk berasaskan gula contohnya kenaikan 20 sen gula memberi kesan sebanyak 0.8 sen kenaikan kepada secawan teh tarik. Manakala bagi isi rumah yang menggunakan 2 kilogram gula sebulan, kenaikan sebanyak 1.3 sen sehari atau 40 sen sebulan.



NO. AUM : 24

NO. AUP : £4T

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
[ BALING ]  
TARIKH 15 APRIL 2010  
RUJUKAN 2567

**SOALAN:**

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah sikap dan tindakan pihak Kerajaan terhadap media (cetak dan elektronik) khususnya sesetengah akhbar yang meniup semangat perkauman di kalangan rakyat negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

1. Izinkan saya menjawab soalan dari YB Ipoh Timur ini bersekali dengan empat (4) lagi soalan lain yang menyentuh apakah tindakan kerajaan terhadap media yang memainkan isu perkauman, khususnya akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian yang didakwa milik Parti UMNO. Soalan - soalan berkaitan ialah daripada YB Shah Alam pada 22 Mac; YB Gombak pada 31 Mac; YB Baling pada 15 April dan YB Petaling Jaya Utara juga pada 15 April.
2. Pertamanya ingin saya tegaskan bahawa akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian bukanlah milik Parti UMNO.
3. Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Utusan Malaysia dan Berita Harian kerana laporan berita yang dibuat tidak menghina mana-mana kaum dan agama tetapi hanya membangkitkan isu-isu yang mendapat perhatian bangsa sendiri.
4. Usaha kerajaan untuk mencegah bagi memastikan media tidak mencetuskan isu perkauman (berkaitan soalan YB Shah Alam) antaranya ialah mengadakan Garis Panduan Penerbitan, mengadakan sesi pertemuan dengan ketua editor/editor, nasihat, teguran, peringatan dan tindakan terakhir ialah tindakan undang-undang berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa.

SOALAN NO. 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN AZAN BIN ISMAIL

(INDERA MAKHOTA)

TARIKH 15 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Azan binIsmail (Indera Mahkota) mintaMENTERIPEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakanlangkah-langkah Kerajaan untuk memastikan keruntuhan akhlak dan gejala sosial serta jenayah dapat dibendung terutamanya melibatkannya kempen-kempen menerusi internet seperti Kempen Hari Tanpa Seluar Ddalam (TSD) sempena Hari Valentine 14 Februari lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen Hari Tanpa Seluar Dalam menerusi internet merupakan satu lagi gejala sosial yang boleh menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam masyarakat yang cuba disebarakan melalui media elektronik adalah sukar untuk ditangani secara bersendirian oleh mana-mana pihak.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Dasar Sosial Negara mengamalkan pendekatan sinergi multi sektor dalam perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan sosial berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kestabilan sosial dan kesejahteraan kehidupan masyarakat Malaysia. Beberapa program

pembangunan sosial telah dibangunkan oleh Kementerian dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkasakan setiap individu, memperkukuhkan dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial.

Program-program yang sedang dilaksanakan ialah Program Pembangunan Kejiranan Lestari, Kuala Lumpur *Krash Pad* (KLKP) dan Pusat Bantuan Khidmat Sosial Chow Kit. Program-program ini merupakan usaha-usaha untuk memantapkan institusi keluarga, meningkatkan keyakinan diri remaja, memulihkan masyarakat terpinggir dan membangunkan kesejahteraan masyarakat. Program ini melibatkan kerjasama berbagai-bagai agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan juga pihak berkuasa tempatan.

Program Pembangunan Kejiranan Lestari adalah program perintis Kementerian untuk mengurangkan kadar gejala sosial yang tinggi dan mewujudkan persekitaran komuniti yang lebih baik dan selamat. Program perintis ini dilaksanakan di lima (5) kampung di daerah Johor Bahru. Program ini menggabungkan projek pemulihan infrastruktur fizikal dan program pembangunan modal insan. Gabungan kedua-dua projek dan program ini adalah pendekatan yang digunakan dalam menangani gejala sosial di sesebuah kawasan .

Program Kuala Lumpur *Krash Pad* diwujudkan di kawasan yang mempunyai ramai kanak-kanak dan remaja yang berumur di antara 13 hingga 21 tahun terdedah kepada aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Program ini merupakan sebuah pusat yang berkonsepkan *One Stop Centre*, untuk remaja bertujuan memberi perlindungan kepada mereka daripada terjebak dengan aktiviti berisiko tinggi yang boleh mengundang

kemusnahan kepada diri mereka seperti merempit, mencuri, menagih dadah dan lain-lain gejala sosial. Pusat ini akan berfungsi sebagai pusat yang boleh memberi tarikan kepada remaja tersebut untuk membangunkan diri melalui program-program yang akan dijalankan.

Pusat Bantuan Khidmat Sosial pula merupakan usaha Kementerian untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dengan menarik kumpulan terpinggir kembali ke arus perdana pembangunan masyarakat. Pemantapan sosial golongan terpinggir ini merupakan pendekatan holistik yang mana mereka yang sudah lama terlibat dalam masalah sosial ini bukan hanya tidak dilupakan tetapi mereka juga sedang cuba dipulihkan.

Kementerian turut menjalankan program-program seperti Kaunseling Keluarga, Program Nur@rumah, Pusat Remaja Kafe@TEEN, *Smart Start*, Ilmu Keluarga@LPPKN dan *Parenting @Work*. Program-program ini merupakan usaha-usaha KPWKM untuk memantapkan institusi keluarga dan mendidik ahli keluarga supaya menjadi lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan kewajiban mereka sebagai bapa, ibu dan anak-anak supaya menjadi manusia yang berguna kepada negara.

KPWKM berpendapat bahawa gejala sosial adalah kompleks dan masalah ini perlu pendekatan dan komitmen daripada semua lapisan masyarakat.



NO. SOALAN :  
36  
PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN  
DARIPADA **PERTANYAAN**  
YB TAN KOK WAI  
TARIKH [CHERAS]  
15 APRIL 2010

**SOALAN**

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana dan apakah hasil pemeriksaan Perdana Menteri ke atas pengisytiharan harta dan kekayaan oleh anggota-anggota Kabinet dan pegawai-pegawai kanan pentadbiran awam. Adakah ianya benar-benar tulen dan terkini.

**JAWAPAN :** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
Tuan Yang Di Pertua,

Setiap anggota kabinet dan pegawai kanan pentadbiran awam diwajibkan membuat pengisytiharan harta sebelum pelantikan dibuat. YAB Perdana Menteri telah mengambil maklum akan pengisytiharan berkenaan. Selain itu, anggota kabinet dan pegawai kanan juga perlu menjalani pemeriksaan tapisan keutuhan yang dijalankan oleh SPRM. Pemeriksaan ini dibuat bagi memastikan individu terbabit benar-benar bersih daripada sebarang dakwaan rasuah dan salah guna kuasa.

Sekian, Terima kasih.





Soalan NO: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**                        **TUAN KARPAL SINGH**

**TARIKH**                            **15 APRIL 2010**

**SOALAN**                            **57**

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN**

menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dalam musim perayaan.

**Jawapan**

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian kemalangan jalan raya semasa musim perayaan tidak semakin meningkat sepertimana yang dinyatakan oleh YB Bukit Gelugor. Ini kerana Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tambahan semasa musim perayaan seperti berikut:

- (i) penguatkuasaan Ops Sikap oleh Polis Diraja Malaysia di mana melalui operasi penguatkuasaan ini, purata kadar kematian akibat kemalangan dapat dikurangkan daripada 18 kematian sehari kepada 13 kematian sehari. Di samping itu, bagi 9 kesalahan trafik yang serius, kadar kompaun maksimum RM300 dikenakan terhadap pesalah; dan

- (ii) Kempen Bersepadu Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan, antaranya:
- a) memperhebatkan program advokasi JKJR bersama rakan kongsinya dengan sokongan sektor swasta dan Badan Badan Bukan Kerajaan (NGO);
  - b) pemeriksaan ke atas bas ekspres dan pemandu oleh JPJ dengan kerjasama Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) di terminal bas bagi memastikan keadaan fizikal bas ekspres berada dalam keadaan *roadworthy* serta pemandu tidak berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - c) larangan ke atas kenderaan barangan daripada menggunakan jalan raya iaitu 2 hari sebelum dan 2 hari selepas musim perayaan bagi mengurangkan kepadatan trafik dan kesesakan lalu lintas;
  - d) pemberhentian kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan buat sementara kecuali kerja-kerja kritikal bagi memastikan perjalanan trafik yang lancar;
  - e) pengurangan had laju sebanyak 10km/j bagi jalan persekutuan dan jalan negeri bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya;
  - f) menggalakkan penggunaan pengangkutan awam melalui kempen media dan tawaran harga diskaun tiket-tiket pengangkutan awam;
  - g) pengeluaran Lesen Perubahan Sementara (LPS) oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi menampung peningkatan penumpang bas ekspres;
  - h) memastikan pergerakan bas serta pertukaran pemandu direkod dalam buku log dan memastikan setiap bas perlu mempunyai pemandu kedua bagi perjalanan yang melebihi 300km seperti

mana kehendak Kaedah 10B, Kaedah Pengangkutan Jalan 1959; dan

- i) menguatkuasakan pengamalan kod amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (*Safety, Health and Environment - SHE*) untuk sektor pengangkutan bagi menjamin keselamatan penumpang bas.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI  
ZAHRAIN MOHAMED  
HASYIM  
(BAYAN BARU)**

**TARIKH : 15 APRIL 2010**

**SOALAN : 58**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** adakah perancangan Kerajaan untuk membaik pulih rumah pangsa PPRT yang uzur di Pulau Pinang khususnya dan diseluruh negara amnya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana prihatin dengan permasalahan rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja membaik pulih rumah pangsa PPRT yang dikatakan uzur di Pulau Pinang bukan dibawah tindakan Kementerian dan ianya adalah lebih sesuai dijawab oleh pihak Kerajaan Negeri. Kementerian hanya melaksanakan projek Program Bantuan Rumah (PBR) dan hanya dikhususkan di kawasan luar Bandar.

SOALAN N0.59

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENA]

TARIKH 15 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah reformasi pilihan raya yang dilakukan bagi memastikan SPR, proses dan perialanan pilihan raya benar-benar memenuhi amalan dan prinsip demokrasi.

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN**

**JAWAPAN :      PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak merdeka 53 tahun yang lalu, Negara telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, demokrasi kita demokrasi terpimpin, yang mana kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (the majority), melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau 'Wakil Rakyat' di dalam Parlimen.

Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak 52 tahun yang lalu, yang berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut:-

Berasaskan kepada sistem *First Past The Post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan diisytiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain.

Berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya (*Single Member Territorial Representation*) sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN).

Berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya (*Multi Party Electoral System*).

Dalam hal ini perlu disebut bahawa SPR telah membuktikan kewibawaannya melalui pengendalian 12 Pilihan Raya Umum (PRU) semenjak tahun 1959, yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen

yang dipertandingkan pada PRU 12. Ini tidak termasuk 9 Pilihan Raya Kecil iaitu 3 bahagian Parlimen dan 6 bahagian DUN, yang mana pihak pembangkang telah memenangi 7 daripadanya.

Sekaligus meyakinkan SPR bahawa sistem pilihan raya yang diguna pakai sekarang adalah sistem yang berwibawa (*credible election*). Ini kerana, keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah (*legitimate*) oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

Bagaimanapun ini tidak bermakna tiada ruang untuk melakukan reformasi dan transformasi di dalam sistem yang sedia ada. Bahkan, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu



berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas  
demokrasi Negara.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 68

NO. AUP : *fyb*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA]
TARIKH	15 April 2010
RUJUKAN	2491

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan di mana Pegawai Polis yang bertugas berada ketika mangsa P. Babu dikatakan membunuh diri dengan menggunakan baju lokap yang dipakai oleh mangsa pada 1 Februari 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku pada 1 Februari 2010 dan bukannya 1 Februari 2009. Hasil siasatan polis mendapati P. Babu telah ditemui mati di dalam lokap Balai Polis Bahau, Negeri Sembilan akibat menggantung diri menggunakan baju lokap yang dipakainya. Semasa kejadian, terdapat dua (2) orang anggota polis sedang bertugas di dalam lokap tersebut di mana seorang sedang berdiri di ruang sentri lokap dan seorang lagi sedang duduk melihat kamera litar tertutup (CCTV).

/

